

## KRITIKAN LIBERALISME TERHADAP INSTITUSI ISLAM DALAM WACANA NEGARA SEKULAR: SATU PENELITIAN AWAL

Muhammad Rashidi Wahab,<sup>1</sup> Wan Adli Wan Ramli,<sup>2</sup>  
Wan Mohd Azam Mohd Amin,<sup>3</sup> Mohd Faizul Azmi,<sup>4</sup>  
Wan Haslan Khairuddin,<sup>5</sup> Muhammad Khairi Mahyuddin,<sup>6</sup>  
Redwan Yasin,<sup>7</sup> dan Nur Ayuni Mohd Isa<sup>8</sup>

### Abstrak

Ideologi liberal nampaknya berkembang sehingga dalam dunia Islam. Salah satu ciri liberalisme ialah mencabar serta menolak wibawa autoriti yang dilihat mengawal pentafsiran dan kefahaman agama. Dalam konteks umat Islam di Malaysia, antara autoriti agama yang menjadi sasaran dari golongan liberal pada masa kini adalah institusi Islam. Perkara ini sangat membimbangkan dan ia perlu dijelaskan serta ditangani segera agar institusi Islam di Malaysia kekal terpelihara. Berdasarkan kaedah analisis kandungan, artikel ini meneliti kritikan dan serangan golongan liberal terhadap institusi Islam di Malaysia, sama ada di peringkat persekutuan atau negeri. Akhirnya, didapati terdapat usaha berterusan dari golongan liberal untuk menghapuskan institusi Islam di Malaysia. Tindakan ini berpunca daripada pegangan mereka terhadap konsep negara sekular yang menolak sebarang peranan agama dalam negara.

**Kata kunci:** liberalisme, Islam liberal, institusi Islam, negara sekular

---

<sup>1</sup> Muhammad Rashidi Wahab adalah Penolong Pensyarah di Pusat Pengajian Usuluddin, Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin. E-mel: muhdrashidi@unisza.edu.my.

<sup>2</sup> Wan Adli Wan Ramli, PhD, adalah Pensyarah Kanan di Jabatan Akidah Dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

<sup>3</sup> Wan Mohd Azam Mohd Amin, PhD, adalah Profesor Madya di Jabatan Usuluddin Dan Perbandingan Agama, Kulliyah Ilmu Wahyu Dan Sains Kemanusiaan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.

<sup>4</sup> Mohd Faizul Azmi adalah Penolong Pensyarah di Pusat Pengajian Usuluddin, Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin.

<sup>5</sup> Wan Haslan Khairuddin, PhD, adalah Pensyarah di Pusat Akidah Dan Keamanan Global, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.

<sup>6</sup> Muhammad Khairi Mahyuddin, PhD, adalah Profesor Madya di Program Dakwah Dan Pengurusan Islam, Fakulti Kepimpinan Dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia.

<sup>7</sup> Redwan Yasin adalah Pensyarah di Jabatan Kenegaraan, Kepimpinan Dan Ketamadunan, Fakulti Pengajian Dan Pengurusan Pertahanan, Universiti Pertahanan Nasional Malaysia.

<sup>8</sup> Nur Ayuni Mohd Isa adalah Pensyarah di Jabatan Pengajian Kenegaraan Dan Ketamadunan, Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia.

**CRITICISM OF LIBERALISM TOWARDS  
ISLAMIC INSTITUTIONS IN SECULAR STATE  
DISCOURSE: A PRELIMINARY STUDY**

**Abstract**

*Liberal ideology seems to be spreading in the Muslim world. One of the criteria of liberalism is challenging and rejecting the established institution that is seen to control the religious understanding and how to interpret it. In Malaysia, one of the established institutions that become the object of criticism and attack of the liberalists is the religious authority. This is very serious matter that requires immediate solution and proper explanation so that the religious institution in Malaysia is well-maintained. This article employs the qualitative methodology in which content and textual analysis technic is applied on the written and electronic materials that include the liberalists' arguments and comments against the religious institutions of Malaysia. Findings reveal that there are continuous efforts made by liberalist groups to eliminate religious institutions of Malaysia as they subscribe to the concept of secular state which marginalizes the role of religion.*

**Keywords:** *liberalism, liberal Islam, religious institutions, secular state*

**Pendahuluan**

Sejarah kemunculan liberalisme dikaitkan dengan pertembungan yang berlaku dalam masyarakat Barat dengan sistem atau autoriti pihak berkuasa agama dan kerajaan, yang bermula pada zaman Renaissance sekitar abad 14 hingga 16 Masihi. Gereja dituduh melakukan penyelewengan, penindasan dan penyalahgunaan kuasa sehingga merosakkan nama agama Kristian. Maka sebuah gerakan reformasi dilancarkan bagi menentang gereja yang dipimpin oleh beberapa orang tokoh, antaranya yang terkenal ialah Martin Luther (m. 1546M). Gerakan ini bertujuan untuk menolak serta menghapuskan ketuanan (autoriti) dan kekuasaan gereja yang dikatakan telah mengongkong dan menyekat kehidupan penganut Kristian sehingga menyebabkan Barat menjadi mundur.<sup>9</sup> Akhirnya, Barat berjaya membebaskan diri daripada cengkaman nilai-nilai keagamaan Kristian dengan memberikan tumpuan kepada aspek kemajuan, kemewahan, kebendaan, kemodenan, kemegahan dan kewangan semata-mata. Semenjak itu, humanisme dan sekularisme telah menjadi asas pegangan sebahagian besar

---

<sup>9</sup> Harold J. Laski, *The Rise of European Liberalism* (London: George Allen & Unwin Ltd. 1947), 12-14; 35.

masyarakat di Barat dan liberalisme terus berkembang pada zaman Enlightenment sehingga kini.

Kemunculan Islam Liberal<sup>10</sup> dalam wacana pemikiran Islam pula merupakan manifestasi daripada falsafah dan gerakan liberalisme di Barat tersebut. Menurut Charles Kurzman, orang pertama yang memperkenalkan dan mencadangkan istilah Islam Liberal (*Liberal Islam*) adalah Asaf Ali Ashgar Fyzee (m. 1981), seorang Muslim dari India, sebagai suatu protes terhadap Islam tradisi.<sup>11</sup> Namun istilah Islam Liberal pertama kali digunakan secara meluas oleh Leonard Binder dalam bukunya *Islamic Liberalism: A Critique of Development Ideologies*<sup>12</sup> dan diteruskan oleh Charles Kuzman dalam bukunya *Liberal Islam: A Source Book*. Walaupun istilah Islam Liberal ini baru sahaja diperkenalkan, namun idea liberalisme telah didokong lebih awal oleh sekumpulan umat Islam. Penelitian mendapati bahawa Islam Liberal muncul di saat kerajaan Turki Uthmaniyyah berada di ambang kejatuhan. Kumpulan ini berhasrat mengajak umat Islam kepada gerakan modenisme bagi memperjuangkan pembaharuan. Kesenambungan usaha ini diteruskan oleh golongan Islam Liberal secara lebih radikal melalui tokoh-tokoh seperti Ali Abdul Raziq (m. 1966), Mohammed Arkoun (m. 2010), Nasr Hamid Abu Zayd (m. 2010), Harun Nasution (m. 1998), Hasan Hanafi, Aminah Wadud dan sebagainya lagi.

Di rantau Nusantara, projek Islam Liberal kelihatan bermula di Indonesia sekitar tahun 1970-an lagi melalui usaha beberapa orang tokoh seperti Harun Nasution, Abdul Mukti Ali (m. 2004), Nurcholis Madjid (m. 2005), Ulil Absar dan lain-lain. Pada tahun 2001, kumpulan mereka telah berjaya menubuhkan Jaringan Islam Liberal (JIL) yang menyebabkan penyebaran wacana Islam Liberal di Indonesia makin meluas. Dalam hal ini, Nurcholis Madjid contohnya, mengetengahkan tiga idea atau gagasan

---

<sup>10</sup> Penulis kurang bersetuju dengan istilah Islam Liberal kerana ia seolah-olah menggambarkan bahawa agama Islam bertepatan dengan liberalisme. Namun memandangkan istilah Islam Liberal ini telah digunakan secara meluas dalam pelbagai tulisan dan wacana, maka penulis turut menggunakan istilah Islam Liberal dalam artikel ini.

<sup>11</sup> Charles Kuzman ed., *Liberal Islam: A Source Book* (New York: Oxford University Press, 1998), 4.

<sup>12</sup> Leonard Binder, *Islamic Liberalism: A Critique of Development Ideologies* (Chicago: University of Chicago Press, 1988).

bertujuan untuk menjalankan proses liberalisasi terhadap agama Islam iaitu melalui sekularisasi, kebebasan berfikir dan gagasan kemajuan. Sekularisasi yang merupakan tunjang utama idea ini dinyatakan sebagai suatu bentuk pembebasan terhadap pelbagai pandangan keagamaan yang dianggap keliru tetapi sudah kukuh disebabkan tradisi yang mendasari ajaran Islam.<sup>13</sup> Namun idea sekularisasi ini telah dikritik hebat oleh sarjana Islam di Indonesia seperti HM Rasjidi (m. 2001) yang telah menulis buku *Koreksi Terhadap Drs Nurcholis Madjid Tentang Sekularisasi*.<sup>14</sup>

Dalam konteks Malaysia, gerakan Islam Liberal kelihatan berkembang melalui pelbagai jalan dan saluran, antaranya melalui jaringan internet dan kemasukan buku-buku berkaitan liberalisme dari luar negara, serta dipelopori oleh individu dan kumpulan tertentu yang berfahaman liberal. Namun perkembangan terkini menunjukkan bahawa liberalisme juga berkembang melalui medan politik yang tidak cenderung kepada agenda Islam. Pada masa yang sama, tidak dinafikan, gerakan Islam Liberal turut didokong oleh sebilangan golongan bukan Islam yang memusuhi Islam (kafir harbi), sama ada secara langsung atau tidak langsung. Perkara ini dapat dilihat berdasarkan kepada beberapa isu yang timbul, seperti tuntutan yang dikemukakan oleh InterFaith Commission (IFC) atau IRC pada tahun 2001<sup>15</sup> serta tuntutan dari COMANGO (Coalition of Malaysian NGOs in the UPR Process) pada tahun 2013 yang masih berlarutan sehingga sekarang.<sup>16</sup> Begitu juga isu terkini seperti penggunaan kalimah Allah oleh akhbar Kristian, penolakan terhadap undang-undang syariah, memperjuangkan kebebasan untuk murtad dan lain-lain.

Salah satu ancaman liberalisme di Malaysia pada masa kini juga ialah golongan Islam Liberal berusaha untuk menghapuskan

---

<sup>13</sup> Nurcholis Madjid, *Islam, Kemodernan dan Keindonesiaan* (Bandung: Penerbit Mizan. 2008), 207.

<sup>14</sup> H. M. Rasjidi, *Koreksi Terhadap Drs. Nurcholis Madjid tentang Sekularisasi* (Jakarta: Penerbit Bulan Bintang), 1977.

<sup>15</sup> Konrad Adenauer Foundation, *The Initiative for the Formation of a Malaysian Interfaith Commission: A Documentation*, ed. S. Hadi Abdullah & K.S. Sieh (Kuala Lumpur: Konrad Adenauer Foundation, t.t.). Lihat juga Ahmad Redzuan Mohamad et. al., "Interfaith Commission Malaysia: Analisis ke atas Penuhannya dalam Merealisasikan Keharmonian Agama di Malaysia" *Al-'Abqari: Journal of Islamic Social Sciences and Humanities* (2007), 77-93.

<sup>16</sup> Maklumat lebih terperinci mengenai COMANGO, sila layari portal: <https://uprmalaysia.com/>

institusi Islam di Malaysia.<sup>17</sup> Bagi mencapai matlamat ini, mereka terlebih dahulu akan mengkritik dan menyerang institusi Islam dari pelbagai sudut bertujuan untuk memberikan imej yang buruk terhadap institusi Islam.<sup>18</sup> Bagi mengekang bahaya pemikiran liberal ini, DYMM Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah dilaporkan bertitah:

Beta juga tidak berkenan golongan umat Islam yang terlalu liberal sehingga mengetepikan syariat Islam seperti menghalalkan budaya terlalu bebas seperti LGBT serta mengamalkan budaya yang terkeluar daripada syariat Islam serta garis panduan yang telah ditetapkan oleh agama Islam.”<sup>19</sup>

Terkini DYMM Sultan Selangor sekali lagi menzahirkan rasa dukacita terhadap tuntutan golongan liberal, yang turut mendapat sokongan daripada segelintir pemimpin beragama Islam, sedangkan pemikiran liberal ini jelas bertentangan dengan ajaran Islam sebenar. Baginda tidak mahu Selangor menjadi pusat liberalisme dan meminta jabatan agama menanganinya segera.<sup>20</sup> Sebagai menjunjung titah tersebut, maka ancaman liberalisme ini perlu dijelaskan dan ditangani secara serius oleh umat Islam di Malaysia, khususnya di Selangor, kerana telah wujud cubaan dari golongan liberal untuk meruntuhkan institusi Islam.

---

<sup>17</sup> Institusi Islam mempunyai pengertian yang luas. Namun dalam konteks artikel ini, ia membawa maksud agensi, institusi, jabatan atau sebarang organisasi, sama ada di peringkat Persekutuan atau negeri, yang ditubuhkan oleh kerajaan bagi tujuan mengurus tadbir hal ehwal berkaitan Islam di Malaysia. Contoh institusi Islam di peringkat Persekutuan seperti Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan di peringkat negeri seperti Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS).

<sup>18</sup> Muhammad Rashidi Wahab, “Ancaman Liberalisme di Malaysia,” *Jurnal Penyelidikan Islam* (2017), 17-40.

<sup>19</sup> “Jangan Terlibat Keganasan, Titah Sultan Selangor”, laman sesawang *Sinar Harian*, 22 Jun 2016, <http://www.sinarharian.com.my/mobile/edisi/selangor-kl/jangan-terlibat-keganasan-titah-sultan-selangor-1.535265>

<sup>20</sup> “Sultan Selangor dukacita fahaman liberal berleluasa,” laman sesawang *Harian Metro*, 13 November 2018, <https://www.hmetro.com.my/utama/2018/11/394813/sultan-selangor-dukacita-fahaman-liberal-berleluasa>

### **Beberapa Kritikan terhadap Institusi Islam Persekutuan**

Terdapat beberapa serangan terhadap institusi Islam di peringkat Persekutuan, sama ada ia dilakukan oleh golongan liberal atau pihak lain.<sup>21</sup> Pendirian mereka banyak disiarkan dalam media arus perdana, terutamanya melalui media baru. Pada 15 Ogos 2015, Noor Farida Ariffin, jurucakap kumpulan G25, dilaporkan berkata bahawa Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) sepatutnya tiada peranan langsung dalam menentukan moral individu berdasarkan kesalahan jenayah yang dilakukan seseorang. JAKIM hanya perlu menitikberatkan peranannya dalam soal pendidikan dan penyelidikan serta khidmat nasihat kepada rakyat Malaysia yang beragama Islam. Noor Farida menyatakan:

JAKIM tiada peranan dalam menentukan moral seseorang itu berdasarkan jenayah yang dilakukan oleh individu itu. JAKIM hanya boleh memainkan peranannya dalam memberi nasihat dalam isu rasuah dengan mendesak kecaman terhadap perbuatan itu. JAKIM juga perlu menggunakan khidmat nasihatnya dalam membentuk satu budaya yang tiada toleransi langsung dalam isu rasuah seperti melalui penyampaian khutbah pada solat Jumaat contohnya.<sup>22</sup>

Atas dasar ini juga, kumpulan G25 mahu hukuman khalwat dimansuhkan kerana didakwa melanggar hak kebebasan seseorang dan ia adalah dosa peribadi.<sup>23</sup>

Sehubungan itu, pada 9 November 2015, salah seorang ahli kumpulan G25 iaitu Tawfik Ismail, yang merupakan bekas Ahli Parlimen tahun 1986 hingga 1990, telah mendesak kerajaan memansuhkan JAKIM. Menurutnya, pada zaman dahulu, ketika JAKIM belum ditubuhkan, kerajaan tidak memberitahu rakyat Malaysia yang beragama Islam bagaimana untuk mengamalkan agama serta kepercayaan mereka, dan tiada siapa memandang serong terhadap umat Islam yang membela anjing. Dalam hal ini,

---

<sup>21</sup> Artikel ini turut memaparkan beberapa contoh kritikan terhadap institusi Islam di Malaysia dari pelbagai pihak, tidak tertumpu kepada kritikan dari golongan liberal sahaja, supaya isu ini dapat dilihat secara lebih menyeluruh.

<sup>22</sup> "JAKIM Tiada Peranan dalam Menentukan Moral Individu," laman sesawang *Astro Awani*, 15 Ogos 2015, <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/jakim-tiada-peranan-dalam-menentukan-moral-individu-noor-farida-69855>

<sup>23</sup> "G25 Mahu Hukuman Khalwat Dimansuh," laman sesawang *Utusan Malaysia*, 7 Disember 2015, <http://www.utusan.com.my/berita/nasional/g25-mahu-hukuman-khalwat-dimansuh-1.166423>

JAKIM seolah-olah bertugas tanpa arah, selain bertujuan untuk campur tangan dalam kehidupan peribadi rakyat Malaysia. Tawfik menyatakan:

Saya rasa JAKIM perlu dimansuhkan. Saya tidak fikir JAKIM perlu wujud. Apa yang kerajaan takut? Anda mempunyai 13 mufti dengan 13 fatwa yang berbeza dan 13 cara berlainan untuk mendalami (agama). Apakah tujuan JAKIM? Sijil halal? Yang boleh pergi ke Kementerian Kesihatan, Kementerian Perdagangan. Apa lagi yang JAKIM lakukan? Cetak al-Quran? Kita mempunyai seorang Menteri Komunikasi.<sup>24</sup>

Menurut Tawfik lagi, jika sesiapa yang mengatakan bahawa JAKIM sangat diperlukan untuk melindungi kesucian agama Islam adalah salah. Sebenarnya DYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan sultan-sultan serta para ulama, mufti dan imam sudah mampu menggalas tugas JAKIM. Tawfik menambah:

JAKIM adalah badan penasihat kepada kerajaan, tetapi daripada segi Perlembagaan ia benar-benar tidak mempunyai peranan. Islam terletak di bawah kuasa Sultan di setiap negeri, dan ia tidak ada kena mengena dengan kerajaan.

JAKIM juga tidak mampu bertindak sebagai pembela kepada kesucian agama Islam di Malaysia. Pada zaman Perdana Menteri pertama, hanya jabatan agama kecil wujud di Jabatan Perdana Menteri dan tiada Menteri Hal Ehwal Agama. Semua ini berubah selepas Mahathir Mohamad mengambil alih jawatan Perdana Menteri keempat dan Timbalannya pula Anwar Ibrahim. Mereka cuba untuk memasukkan definisi nilai Islam kepada semua aspek kehidupan rakyat Malaysia, yang bertujuan untuk menyekat pengaruh PAS. Hasilnya, Malaysia hari ini menghadapi “Arabisation”, dengan masyarakat yang mempunyai budaya Nusantara bertukar kepada budaya Timur Tengah. Oleh itu, langkah utama untuk mengembalikan umat Islam di Malaysia seperti dahulu adalah dengan membubarkan JAKIM.<sup>25</sup>

---

<sup>24</sup> “Anak kepada Tun Dr Ismail mahu JAKIM dimansuhkan,” laman sesawang *The Malaysian Insider*, 9 November 2015, <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/tawfik-ismail-disiasat-menghasut-kerana-gesaan-mansuh-Jakim>

<sup>25</sup> *Ibid.*

Selain itu, Tariq Ismail Mustafa bangkit mempertahankan Tawfik selepas Pertubuhan Pribumi Perkasa Malaysia (PERKASA) menuntut permohonan maaf terhadap cadangan Tawfik untuk memansuhkan JAKIM. Dalam satu kenyataan pada 11 November 2015, Tariq Ismail menyatakan bahawa bapa saudaranya itu tidak mempersoalkan kesucian Islam, sebaliknya hanya mencadangkan pemansuhan JAKIM. Tariq menyatakan:

Dia hanya mempersoalkan struktur yang dibuat manusia di mana terdapat laporan mengenai salah tafsiran undang-undang dan juga salah guna kuasa.

Menurut Tariq Ismail, masyarakat bukan Islam merasakan institusi agama seperti JAKIM berupaya melampaui sempadannya satu hari nanti, dan menetapkan sesuatu yang dilarang undang-undang dan sepatutnya tidak boleh dilakukan. Oleh itu, beliau merayu kumpulan sayap kanan Melayu untuk melihat gambaran lebih besar bagi mengembalikan kesucian agama Islam dengan cara yang ia dilaksanakan di Malaysia. Tariq menambah:

Ketika Islam sangat jelas dengan maksud dan tujuannya, institusi seperti ini adalah struktur yang dibuat manusia. Maka, adalah wajar untuk institusi yang rosak dimansuhkan.<sup>26</sup>

Desakan Tawfik untuk memansuhkan JAKIM turut mendapat sokongan daripada beberapa individu lain seperti Farouk A. Peru. Melalui artikel bertarikh 12 November 2015 yang disiarkan dalam portal *The Malaysian Insider*, beliau menyatakan kekaguman terhadap kenyataan Tawfik yang menggesa kerajaan untuk memansuhkan JAKIM. Beliau memberikan sokongan penuh dan merasakan bahawa ini adalah semua yang diperlukan untuk pemulihan negara. Menurut Farouk, JAKIM tidak menyumbang apa-apa perkara yang berfaedah kepada pembangunan Islam di Malaysia. Malah akaun Facebook dan Twitter mereka tidak mempunyai perbincangan berkaitan falsafah Islam, tetapi ia lebih memaparkan mengenai gambar-gambar yang kurang serius. Sebaliknya JAKIM hanya mengamalkan dasar yang menindas umat Islam di Malaysia. Justeru, dakwaan bahawa JAKIM diperlukan di Malaysia berdasarkan peruntukan Perlembagaan

---

<sup>26</sup> “Adalah Wajar Institusi yang Rosak Dimansuhkan,” laman sesawang *The Rakyat Post*, 11 November 2105, <http://bm.therakyatpost.com/berita/2015/11/11/adalah-wajar-institusi-yang-rosak-dimansuhkan>.



Persekutuan, di mana agama Islam adalah agama rasmi Persekutuan, adalah tidak tepat. Ini kerana, Islam sebagai agama Persekutuan tidak mempunyai kaitan dengan pembentukan JAKIM.<sup>27</sup>

Menurut Farouk lagi, peruntukan dalam Perlembagaan tersebut boleh ditafsirkan dalam pelbagai cara lain, antaranya ialah idea bahawa Islam adalah identiti majoriti rakyat Malaysia atau nilai-nilai Islam adalah nilai-nilai yang membawa kepada negara. Kata Farouk lagi, JAKIM tidak mampu untuk memberi motivasi kepada umat Islam ke arah pencapaian pendidikan cemerlang. Pendekatan perlindungan JAKIM kepada Islam di negara ini bukan untuk orang Melayu-Islam, tetapi untuk periuk nasi mereka sendiri. Jelasnya, apabila Tawfik membuat seruan itu, pegawai-pegawai JAKIM segera untuk menunjukkan bahawa JAKIM diperlukan untuk perlindungan terhadap Islam dari ancaman Islam Liberal, ISIS dan sebagainya lagi.<sup>28</sup> Peliknya, serangan terhadap JAKIM ini kelihatan bagaikan turut disokong oleh Mahathir Mohamad, dengan menyatakan bahawa JAKIM mahu umat Islam di negara ini mengikutinya dalam menjenamakan agama.<sup>29</sup> Walau bagaimanapun, Mahathir didapati bertindak mempertahankan kedudukan JAKIM setelah beliau dilantik kali kedua sebagai Perdana Menteri yang ketujuh, yang mahu fungsi dan peranan JAKIM dikaji semula.<sup>30</sup>

Desakan untuk memansuhkan JAKIM turut disambut baik oleh golongan anak muda yang bergerak menggunakan platform gerakan buku *indie*, iaitu sebuah aliran atau budaya yang

---

<sup>27</sup> “Jakim - Reform or Disband” laman sesawang *The Malaysian Insider*, 12 November 2015, <http://www.themalaysianinsider.com/opinion/farouk-aperu/article/jakim-reform-or-disband>. Lihat juga “Jakim - Reform or Disband” *Malaysia Today*, 12 November 2015, <http://www.malaysia-today.net/jakim-reform-or-disband/>

<sup>28</sup> *Ibid.*

<sup>29</sup> “Mahathir: Jakim Mahu Paksa Umat Islam Ikut Caranya,” laman sesawang *Malaysiakini*, 20 November 2015, <https://www.malaysiakini.com/news/320399>

<sup>30</sup> “Kerajaan Akan Kaji Semula Peranan JAKIM,” laman sesawang *Berita Harian*, 30 Mei 2018, <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2018/05/432010/kerajaan-akan-kaji-semula-peranan-jakim>; “Fungsi JAKIM Disemak Semula – PM,” laman sesawang *Astro Awani*, 30 Mei 2018, <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/fungsi-jakim-disemak-semula-pm-176886>.

menggunakan buku sebagai bahan utama dalam menyebarkan idea atau pemikiran berdasarkan prinsip kebebasan dari sebarang kongkongan autoriti serta *mainstream* atau majoriti arus perdana.<sup>31</sup> Benz Ali contohnya, yang merupakan antara penggerak utama buku *indie*, memuat naik status di Facebooknya pada 11 November 2015 yang bersetuju agar JAKIM dihapuskan di Malaysia. Benz Ali menyatakan:

Aku memang setuju pun JAKIM dihapuskan. Di Indonesia, Islam tetap wujud walaupun tiada JAKIM. Orang Islam di Malaysia jadi bodoh sebab di Malaysia ada JAKIM. Kalau aku jadi sultan, aku akan hapuskan JAKIM.<sup>32</sup>

Dalam status berasingan pada 24 Mei 2015, Benz Ali menampelak JAKIM yang didakwa telah menyebabkan orang Islam di Malaysia menjadi bodoh, bebal dan tidak berguna. JAKIM dan jabatan-jabatan agama diumpamakan sebagai tuhan baru bagi orang Islam di Malaysia.<sup>33</sup>

JAKIM juga menerima kritikan daripada Zaid Ibrahim yang merupakan bekas Menteri Hal Ehwal Undang-Undang, di mana beliau mempersoalkan peruntukan RM1 bilion diberikan kepada JAKIM. Beliau menyatakan bahawa peruntukan sebanyak itu adalah satu pembaziran terhadap sumber Malaysia yang terhad. Tambahnya, kerajaan perlu lebih berhemah dalam perbelanjaan memandangkan mereka menerima hasil yang sedikit daripada PETRONAS. Zaid menyatakan:

Kita perlu membelanjakan wang dengan lebih bijak sekarang, hal ini kerana kita menerima hasil yang sedikit daripada PETRONAS. (RM)1 bilion kepada JAKIM adalah satu pembaziran semata-mata.<sup>34</sup>

---

<sup>31</sup> Muhammad Rashidi Wahab dan Siti Nur Hidayah Kusnin, "Laporan Awal: Sorotan Fenomena Buku Indie di Malaysia," Shah Alam: Jabatan Agama Islam Selangor, [http://www.jais.gov.my/sites/default/files/Laporan%20awal\\_Fenomena%20Buku%20Indie.pdf](http://www.jais.gov.my/sites/default/files/Laporan%20awal_Fenomena%20Buku%20Indie.pdf)

<sup>32</sup> Benz Ali, 11 November 2015, <https://www.facebook.com/ilazneb/posts/1224455637570840>

<sup>33</sup> Benz Ali, "Soalan: Kenapa Tak Boleh Kerja JAKIM," laman sesawang *Facebook*, 24 Mei 2015, <https://www.facebook.com/ilazneb/posts/1117546408261764>

<sup>34</sup> "Jakim's RM1 Billion 'Sheer Waste; Says Zaid Ibrahim," laman sesawang *Free Malaysia Today*, 23 November 2015, <http://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2015/11/23/jakims-rm1-billion-a-sheer-waste-says-zaid-ibrahim>.

Desakan Zaid tersebut turut disokong oleh kumpulan G25. Dalam satu kenyataan pada 30 November 2015, mereka merancang untuk menjalankan audit kewangan terhadap JAKIM dan bagaimana perbelanjaan dibuat. Kumpulan G25 mendakwa bahawa agensi kerajaan persekutuan itu (JAKIM) yang dikritik hebat sejak akhir-akhir ini, perlu memainkan peranannya dengan memastikan kedudukan Islam di Malaysia dijaga. Pada masa yang sama, mereka mahu memastikan “JAKIM tidak melanggar batas-batas peribadi hidup warga Muslim di negara ini” seperti yang didakwa oleh beberapa pihak.<sup>35</sup>

Jika diteliti, serangan terhadap JAKIM sebenarnya bukan suatu perkara yang baru muncul pada tahun 2015, sebaliknya bibit-bibitnya bermula lebih awal dari itu. Zaid Ibrahim contohnya, pada 24 Mei 2012, membantah tindakan JAKIM mengharamkan buku yang dianggapnya sebagai buku yang bagus. Beliau menempelak JAKIM kerana mengharamkan buku *Irshad Manji* yang diterjemahkan ke dalam bahasa Malaysia bertajuk *Allah, Kebebasan dan Cinta*. Menurut Zaid, JAKIM yang bertanggungjawab dalam hal ehwal Islam tidak mempunyai kuasa untuk mengharamkan buku tersebut, walaupun *Irshad Manji* merupakan seorang pendukung lesbian, gay, biseksual dan transgender (LGBT). Pengharaman buku bukanlah bidang kuasa JAKIM, maka JAKIM tiada hak untuk berbuat perkara sedemikian. Zaid turut mempersoalkan keputusan pengharaman yang dibuat JAKIM bersandarkan kepada kandungan buku yang berunsur liberalisme. Zaid menambah:

Mengapa JAKIM sangat takut dengan idea liberalisme?

Mungkin mereka fikir ia seperti komunisme. Penulis liberal memberi pandangan yang agak lembut mengenai agama.<sup>36</sup>

Selain Zaid, Faisal Tehrani juga “menyambut baik” langkah Kementerian Dalam Negeri (KDN) mengharamkan bukunya atas alasan ia mengandungi unsur penyebaran fahaman Syiah yang bertentangan dengan aliran Ahl al-Sunnah wal al-Jama’ah. Beliau

<sup>35</sup> “G25 Mahu Audit ke Mana Wang Jakim Dibelanjakan,” laman sesawang *Malaysiakini*, 30 November 2015, <https://www.malaysiakini.com/news/321580>

<sup>36</sup> Zaid, “Bidas Jakim, Pertahan Buku *Irshad Manji*,” laman sesawang *Mstar*, 24 Mei 2012, <http://www.mstar.com.my/berita/berita-semasa/2012/05/24/zaid-bidas-jakim-pertahan-buku-irshad-manji>.

menyindir KDN dan juga JAKIM dengan mengatakan bahawa pengharaman itu adalah suatu perkembangan sihat kerana sastera Melayu ketika ini berada dalam keadaan suram di sebalik pelbagai sayembara dianjurkan bagi memulihkan keadaan itu.<sup>37</sup> Menariknya, isu pengharaman buku ini didapati lebih awal dikritik secara terbuka oleh Mufti Perlis, Mohd Asri Zainul Abidin. Pada 10 Oktober 2008, Mohd Asri dilaporkan pernah berkata, pengharaman buku oleh KDN sebagai tindakan primitif. Beliau menyifatkan alasan pengharaman buku-buku oleh KDN sebagai lambang “*sikap primitif yang tidak layak bagi masyarakat moden*” dan seperti “*zaman kegelapan gereja*” Eropah yang menyaksikan banyak buku diharamkan dan dibakar atas alasan agama. Faisal menyatakan:

Tanpa mengira siapapun panel yang telah mereka lantik. Ilmu tidak diukur dengan jawatan tetapi fakta dan angka. Kalau panel berkenaan mahu buku mengikut kehendak mereka, merekalah yang tulis. Hak penulis mengemukakan alasan-alasannya.<sup>38</sup>

Wan Ji Wan Hussin turut menyerang JAKIM melalui bukunya *Ulama Yang Bukan Pewaris Nabi*, dengan menyatakan bahawa JAKIM hanya mampu menghalang dan mengharamkan buku sahaja, tetapi perkara dasar dalam agama tidak dilaksanakan oleh JAKIM. Wan Ji menyatakan:

Kalangan yang berusaha mengembangkan kemandoman akal ini, sedihnya dilakukan oleh kalangan agamawan, mahupun mereka yang berada di badan-badan berkuasa agama. Kemampuan mereka hanya menghalang dan mengharamkan. Nilai intelektual yang menjadi perkara dasar agama tidak diamalkan oleh mereka.<sup>39</sup>

JAKIM juga dikatakan sering kali memaksa seluruh umat Islam di Malaysia supaya mengikut agama yang ditafsirkan oleh mereka, tetapi mendiamkan diri dalam perkara yang melibatkan khilaf

---

<sup>37</sup> “Terima Kasih KDN Kerana Haramkan Buku Saya,” laman sesawang *Malaysiakini*, 5 Mei 2015, <https://www.malaysiakini.com/news/286628>.

<sup>38</sup> “Pandangan Dr Mohd Asri tentang Pengharaman Buku-buku Ilmiah,” laman sesawang *Malaysiakini*, 10 Oktober 2008, <http://drmaza.com/home/?p=452>; 10 Oktober 2008. “Mufti: Alasan KDN Haramkan Buku ‘Primitif,’” laman sesawang *Malaysiakini*, <https://www.malaysiakini.com/news/91015>

<sup>39</sup> Wan Ji Wan Hussin, *Ulama yang Bukan Pewaris Nabi* (Kuala Lumpur: Vinlin Press Sdn. Bhd, 2015), 16.

ulama yang tidak majoriti seperti fatwa alat muzik.<sup>40</sup> Menurut Wan Ji,

Kini kelihatan ada satu persepsi yang seakan-akan dicipta iaitu sebarang perkara yang datang dari JAKIM seperti dianggap mewakili Islam. Ekoran itu, mengkritik JAKIM, seakan-akan mengkritik dan menghina Islam. Tidak dapat dibayangkan, jika tafsiran agama yang sah itu hanya dari JAKIM sahaja. Sudah pasti agama ini akan kelihatan buruk. Ini disebabkan oleh, kelemahan JAKIM itu tidak semestinya menafsirkan maksud sifat sebenar agama. Bukan sekadar itu, malahan Islam akan kelihatan jumud dan mundur, kerana kitab-kitab yang menafsirkan agama Islam ini cukup banyak dan cukup luas, sedangkan JAKIM itu sendiri punyai pengetahuan Islam hanya sedikit sahaja. Lebih parah, pengetahuan JAKIM terhadap Islam, bukan sekadar sikit, malahan kandungan agama yang mereka pameran pula, kadang kala amat jauh dari neraca ilmiah bagi pemahaman agama Islam itu sendiri.<sup>41</sup>

Katanya lagi, “JAKIM mendakwa mereka sebagai ketua agama Islam, seakan-akan mendakwa mereka setahap dengan Nabi Muhammad.”<sup>42</sup>

Wan Ji juga didapati menyokong Eric Paulsen, seorang peguam dan Pengarah Eksekutif pertubuhan Lawyer for Liberty (LFL), yang menuduh JAKIM menggalakkan ekstremisme atau fahaman pelampau pada setiap hari Jumaat berdasarkan status Twitter beliau pada 9 Januari 2015, “Jakim is promoting extremism every Friday. Govt needs to address that, it’s serious about extremism in Msia.” Pada 17 Januari 2015, Wan Ji menyatakan bahawa sebab orang bukan Islam seperti Eric Paulsen memandang serong terhadap Islam kerana kelakuan yang telah dipamerkan oleh JAKIM tidak menunjukkan sebagai ajaran Islam yang sebenar. Malah ia bercanggah dengan prinsip asas Islam itu sendiri seperti rahmat, kebijaksanaan, fitrah dan sebagainya.<sup>43</sup> Namun Eric Paulsen dibebaskan pada 15 Ogos 2018 selepas

<sup>40</sup> Wan Ji, *Ulama yang Bukan Pewaris Nabi*, 92.

<sup>41</sup> Wan Ji, *Ulama yang Bukan Pewaris Nabi*, 112-113.

<sup>42</sup> Wan Ji, *Ulama yang Bukan Pewaris Nabi*, 141.

<sup>43</sup> “Kritik khutbah Jakim bukan kritik Islam,” laman sesawang *Malaysiakini*, 17 Januari 2015, <https://www.malaysiakini.com/news/286628>

pertuduhan terhadapnya ditarik balik oleh pihak pendakwaan.<sup>44</sup> Wan Ji sekali lagi mencetuskan kontroversi dengan tindakan beliau memuat naik status di *Facebook* peribadinya, pada 18 Oktober 2016 bermaksud menghina JAKIM. Wan Ji menyatakan bahawa:

Kebodohan JAKIM semakin terserlah. Nama makanan pun mereka nak ubah. Semakin hari, semakin kita perlu tinggalkan institusi agama Islam demi memastikan Islam kita kelihatan bijak...”<sup>45</sup>

Status beliau ini dipercayai respons terhadap kenyataan JAKIM berkaitan Makanan kegemaran ramai seperti *Coney Dog* kini dijenamakan semula, begitu juga dengan minuman tin ‘Root Beer’ dan ‘Ginger Beer’.<sup>46</sup>

Selain itu, kewujudan JAKIM dikatakan telah menyebabkan huru-hara dan menggugat kedudukan minoriti kaum Syiah di Malaysia. Hal ini dapat dilihat melalui artikel Syed Farid al-Attas berjudul *Muslim Sectarianism and the Amman Message*, yang menyatakan bahawa dalam tempoh 30 tahun yang lalu, kedudukan Syiah di Malaysia beralih dari satu penerimaan kepada satu penolakan dan juga pengasingan. Menurutnya, pada tahun 1984, Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam (JAKIM) mengisytiharkan bahawa kedua-dua sekolah perundangan Syiah iaitu Ja’fari dan Zaidiyyah boleh diterima di Malaysia. Namun keputusan ini telah dibatalkan pada tahun 1996, diikuti dengan siri fatwa yang dikeluarkan di beberapa negeri di Malaysia antara tahun 1998 dan 2012 yang meletakkan sekatan ke

---

<sup>44</sup> “Eric Paulsen, Bekas Setiausaha Agung PSM, Lepas Bebas Tuduhan Menghasut,” laman sesawang *Malaysia Gazette*, 15 Ogos 2018, <http://malysiagazette.com/blog/2018/08/15/eric-paulsen-bekas-setiausaha-agung-psm-lepas-bebas-tuduhan-menghasut/>; “Human Rights Lawyer, PSM Leader Freed of Sedition Charges,” laman sesawang *Free Malaysia Today*, 15 Ogos 2018. <http://www.freemalysiatoday.com/category/nation/2018/08/15/human-rights-lawyer-psm-leader-freed-of-sedition-charges/>

<sup>45</sup> Wanji Wanhussin Wanji, 18 Oktober 2016, <https://www.facebook.com/wanji.attaaduddi/posts/1601361099890061>

<sup>46</sup> “Syarat Halal Jakim, tiada lagi ‘Coney Dog’ dan ‘Root Beer’ di Malaysia,” laman sesawang *Free Malaysia Today*, 18 Oktober 2016, <http://www.free-malysiatoday.com/category/bahasa/2016/10/18/syarat-halal-jakim-tiada-lagi-coney-dog-dan-root-beer-di-malaysia/>

atas penyebaran dan amalan Syiah.<sup>47</sup> Hal ini menunjukkan bahawa JAKIM mengganggu hak asasi manusia dalam mengamalkan agama dan pegangan mereka yang telah diiktiraf oleh deklarasi antarabangsa.

Pada 2 Februari 2018, Siti Zabedah Kasim (atau lebih dikenali sebagai Siti Kasim) telah mengeluarkan status di Facebooknya mendesak kerajaan agar JAKIM dihapuskan secepat mungkin. Sepatutnya dana RM1 bilion yang diberikan kepada JAKIM boleh digunakan untuk tujuan kesihatan, pendidikan dan infrastruktur bagi mensejahterakan negara.<sup>48</sup> Beliau berkata demikian sebagai respons kepada kenyataan Tengku Razaleigh Hamzah yang mendakwa bahawa kewujudan JAKIM tidak berperlembagaan. Menurut Tengku Razaleigh, penubuhan JAKIM oleh Mahathir Mohamad merupakan sebuah eksploitasi politik ke atas Islam untuk menjadi lebih Islam daripada saingan utamanya PAS yang dilihat sebagai suatu ancaman.<sup>49</sup> Pada masa yang sama, kenyataan untuk menghapuskan JAKIM diulang sekali lagi oleh Tawfik Ismail, yang mahu JAKIM dibubarkan terus dan bukan dikaji semula peranannya sebagaimana diumumkan oleh kerajaan. “JAKIM tidak perlu sebagai badan agama,” katanya. Malah terdapat beberapa isu yang tidak masuk akal dilakukan oleh JAKIM seperti isu makanan *hot dog* dan *root beer* serta pengharaman beberapa buah buku.<sup>50</sup>

Selain JAKIM, begitu juga Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YaPEIM) dan Tabung Haji, antara institusi Islam di peringkat Persekutuan yang turut diserang oleh golongan liberal ialah Institut Kajian Strategik Islam Malaysia (IKSIM). Pada 31 Mei 2018, Noor Farida Ariffin, jurucakap kumpulan G25, dilaporkan mendesak kerajaan agar memansuhkan IKSIM.

<sup>47</sup> Syed Farid al-Attas, “Muslim Sectarianism and the Amman Message” Dlm. *Breaking The Silence: Voices of Moderation* (Kuala Lumpur: Marshall Cavendish Malaysia Sdn Bhd, 2016), 166.

<sup>48</sup> Siti Kasim, 2 Februari 2018,. <https://www.facebook.com/sitikasim/posts/10215551956494824>

<sup>49</sup> “Jakim tidak Berperlembagaan, kata Ku Li,” laman sesawang *Free Malaysia Today*, 1 Februari 2018, <http://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/2018/02/01/jakim-tidak-berperlembagaan-kata-ku-li/>

<sup>50</sup> “Bubarkan terus Jakim, kata Tawfik Ismail,” laman sesawang *Free Malaysia Today*, 31 Mei 2018, <http://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/2018/05/31/bubarkan-terus-jakim-kata-tawfik-ismail/>

Jelasnya, IKSIM tidak mempunyai fungsi yang jelas melainkan hanya menyebarkan fitnah dan fahaman ekstremis kepada orang Islam. Noor Farida menyatakan:

Kami tidak pasti apa yang mereka (IKSIM) buat tetapi mereka hanya ke hulu-hilir membuat fitnah kepada orang Islam yang lain dengan melabelkan sesetengah orang sebagai liberal dan sebagainya.<sup>51</sup>

Perkara hampir sama pernah disuarakan oleh Mujahid Yusof dengan mempersoalkan pembentangan IKSIM yang melabel golongan liberal sebagai berbahaya. IKSIM turut menyentuh dua pendekatan yang digunakan golongan liberal, iaitu “Maqasid Syariah” dan “Rahmatan lil ‘Alamin” dalam pembentangan mereka. Malah IKSIM mendedahkan bahawa kumpulan Radical Evangelism Christian State (RECS) boleh memberi ancaman kepada negara.<sup>52</sup> Terkini, kerajaan didapati sedang mengkaji semula kedudukan IKSIM sama ada akan mengekalkan atau membubarkannya. Manakala dana dan akaun IKSIM turut disekat untuk diaudit semula.<sup>53</sup>

### **Beberapa Kritikan terhadap Institusi Islam Negeri**

Selain kritikan di peringkat Persekutuan, serangan terhadap institusi Islam turut berlaku di peringkat negeri, termasuklah di Selangor.<sup>54</sup> Mujahid Yusof dalam kenyataan medianya pada 3 Januari 2014, membantah dan mengkritik tindakan Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) merampas 300 naskhah Bible dalam bahasa Melayu yang mengandungi kalimah Allah. Tindakan JAIS tersebut dilihat tidak bertepatan dengan ajaran Islam. Mujahid berkata:

---

<sup>51</sup> “G25 Setuju Tindakan Kaji Semula Jakim, Mahu Iksim dibubar,” laman sesawang *The Malaysian Insider*, 31 Mei 2018, <https://www.themalaysianinsight.com/bahasa/s/51287>

<sup>52</sup> “Mujahid Persoal Pembentangan Iksim Label Golongan Liberal Berbahaya,” laman sesawang *Free Malaysia Today*, 28 November 2017, <http://www.free-malaysiatoday.com/category/bahasa/2017/11/28/mujahid-persoal-pembentangan-iksim-label-golongan-liberal-berbahaya/>

<sup>53</sup> “Kerajaan Kaji Teruskan atau Bubar IKSIM,” laman sesawang *Kosmo*, 19 Julai 2018, <http://www.kosmo.com.my/terkini/kerajaan-kaji-teruskan-atau-bubar-iksim-1.712048>

<sup>54</sup> Sebagaimana dijelaskan dalam topik di atas, artikel ini turut memaparkan beberapa contoh kritikan terhadap institusi Islam di Malaysia dari pelbagai pihak, tidak tertumpu kepada kritikan dari golongan liberal sahaja, supaya isu ini dapat dilihat secara lebih menyeluruh. Lihat nota kaki no. 21.



Persoalan kebebasan agama yang termaktub dalam Perlembagaan kita dengan mengambil kira Islam sebagai agama rasmi Persekutuan seolah-olah tercemar dengan tindakan JAIS dan mengisyaratkan sesuatu yang bercanggah dengan perintah dan firman Allah SWT yang maksudnya “Tiada kami utuskan engkau (wahai Muhammad) melainkan untuk membawa Rahmat ke Alam ini” (al-Anbiya: 107). Hubungan Islam dengan bukan Islam adalah bersandarkan “Tiada paksaan dalam agama” (al-Baqarah: 256) dan itu adalah janji dan jaminan kerahmatan Islam kepada penganut agama lain termasuk hak memiliki kitab agama masing-masing.<sup>55</sup>

Pada 17 Jun 2014, Khalid Samad mencadangkan supaya kerajaan negeri Selangor melakukan pindaan terhadap enakmen yang memberi kuasa eksekutif kepada Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) dalam menjaga hal ehwal Islam di negeri itu. Kuasa eksekutif yang diberikan kepada MAIS sebagai badan penasihat hal ehwal Islam dan adat Melayu boleh mencemarkan institusi Raja di Selangor.<sup>56</sup>

Menurut Khalid, keputusan MAIS itu jelas mencemarkan imej Islam dalam kalangan masyarakat. Khalid menyatakan:

la menunjukkan seolah-olah kita tidak menghormati kitab suci agama lain. Ternyata ia tidak ada kaitan bagi penyebaran agama Kristian kepada orang Islam.<sup>57</sup>

Pada 18 Ogos 2014, Aziz Bari pula menyatakan bahawa mengkritik tindakan JAIS tidak seharusnya dianggap sebagai tindakan mempersoalkan institusi kesultanan Selangor. Agensi-agensi agama negeri tidak wajar menggunakan nama istana untuk

---

<sup>55</sup> “Menyerbu Premis Persatuan Bible Selangor dan Merampas Injil,” laman sesawang *Fikrah*, 3 Januari 2014, <http://al-fikrah.net/artikelview/40-semasa/308-menyerbu-premis-persatuan-bible-selangor-dan-merampas-injil.html/>; “PR: Rampasan Bible tambah ketegangan penganut Islam, Kristian,” laman sesawang *Astro Awani*, 3 Januari 2014, <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/pr-rampasan-bible-tambah-ketegangan-penganut-islam-kristian-27777>

<sup>56</sup> “Hapus Kuasa Eksekutif Mais-Pas,” laman sesawang *Mstar*, 17 Jun 2014, <http://www.mstar.com.my/berita/berita-semasa/2014/06/17/pas-mais/>; Lihat juga “Pas Mahu S’gor Hapus Kuasa Eksekutif MAI S,” laman sesawang *Malaysiakini*, 17 Jun 2014, <https://www.malaysiakini.com/news/265931>

<sup>57</sup> *Ibid.*

melindungi pengurusan dan penguatkuasaan bidang kuasa masing-masing. Aziz menyatakan:

Kritik JAIS tidak semestinya kutuk Sultan. Sepatutnya MAIS sebagai penasihat Sultan sebagai ketua agama beri nasihat yang betul kepada baginda. Bukan gunakan nama baginda untuk memberi perlindungan kepada MAIS atau JAIS.

MAIS dan JAIS sepatutnya faham konsep dan implikasi akauntabiliti. Aziz menambah:

Agama selain Islam dan penganut mereka ada hak dan ini perlu dilindungi. Ini semua dikandung oleh Perlembagaan khususnya Perkara 11. Apa yang berlaku menimbulkan keraguan tentang perlindungan itu. MAIS dan JAIS patut faham dan bukan menyeret Sultan.<sup>58</sup>

Dalam hal ini, Hannah Yeoh dilaporkan turut mengkritik tindakan JAIS tersebut.<sup>59</sup> Namun isu ini dianggap selesai setelah MAIS memulangkan semula Bible tersebut pada 14 November 2014.<sup>60</sup>

Selain itu, Jabatan Mufti Negeri Selangor (JMNS) juga diserang oleh pertubuhan Sisters in Islam (SIS). Menerusi kenyataan media SIS pada 31 Oktober 2014, mereka menegaskan akan mencabar fatwa liberalisme dan pluralisme yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor pada 17 Julai 2014. Fatwa ini menjelaskan bahawa:

SIS Forum (Malaysia) dan mana-mana individu, pertubuhan atau institusi yang berpegang kepada fahaman liberalisme dan pluralisme agama adalah sesat dan menyeleweng daripada ajaran Islam.<sup>61</sup>

SIS berkata, mereka akan memfailkan semakan kehakiman ke atas fatwa yang diwartakan di negeri Selangor itu di Mahkamah Sivil.

---

<sup>58</sup> “Pakar Perlembagaan: Jangan Tafsir Kritik Jais Persoal Institusi Raja,” laman sesawang *Detikdaily*, 18 Ogos 2014, <http://www.detikdaily.net/v6/modules.php?name=News&file=article&sid=15801>

<sup>59</sup> “Speaker: Hati-hati Tangani Isu Kalimah ALLAH,” laman sesawang *Sinar Harian*, 5 Januari 2014, <http://www.sinarharian.com.my/semasa/speaker-hati-hati-tangani-isu-kalimah-allah-1.237398>; Hannah Yeoh, 2 Januari 2014, <https://twitter.com/hannahyeoh/status/418717303375536128>

<sup>60</sup> “S’gor Serah Kembali Bible yang Dirampas,” laman sesawang *Malaysiakini*, 14 November 2014, <https://www.malaysiakini.com/news/280480>

<sup>61</sup> “Fatwa Pemikiran Liberalisme dan Pluralisme Agama,” laman sesawang rasmi *Jabatan Mufti Negeri Selangor*, 2014, <http://www.muftiselangor.gov.my/2016-06-27-08-57-00/fatwa/fatwa-terkini/362-fatwa-pemikiran-liberalisme-dan-pluralisme-agama>

SIS mempersoalkan fatwa ini atas beberapa dasar menurut Perlembagaan. Pertama, fatwa tersebut melanggar hak asasi kebebasan bersuara, kebebasan bersekutu dan kebebasan agama, seperti yang dijamin di dalam Perlembagaan Persekutuan. Kedua, fatwa tersebut mencerooboh bidang kuasa Persekutuan di mana Parlimen sahaja yang mempunyai kuasa legislatif untuk membataskan hak-hak asasi. Ketiga, fatwa tersebut tidak mempunyai bidangkuasa untuk memberi arahan kepada institusi Persekutuan seperti Kementerian Dalam Negeri untuk mengharamkan dan merampas buku-buku dan SKMM untuk menyekat laman-laman media sosial.<sup>62</sup>

Menurut SIS lagi, mensabitkan kesalahan jenayah kerana tidak mematuhi fatwa merupakan penyimpangan daripada teori serta amalan perundangan Islam. Sesebuah fatwa adalah pendapat berbentuk nasihat untuk membimbing umat Islam untuk menjalankan kehidupan mereka menurut ajaran Islam. Fatwa bukanlah undang-undang dan seseorang tersebut mempunyai pilihan untuk mengikut fatwa tersebut atau mencari fatwa yang lain. Mengikut al-Quran prinsip utama dalam pentadbiran dan pengurusan ialah *shūra*, di mana mereka yang memegang kuasa hendaklah sentiasa berunding dengan masyarakat. Mereka menyatakan:

SIS ingin menyatakan kedudukan kami bahawa jika Islam dijadikan sumber untuk penggubalan undang-undang dan dasar awam, maka semua orang mempunyai hak untuk berbincang dan berdebat dalam hal-hal ini. Undang-undang dan dasar awam mestilah terbuka kepada perbincangan dan perbincangan orang ramai. Tujuan undang-undang Islam adalah untuk memastikan keadilan dilaksanakan dan kepentingan orang ramai diutamakan dan ini hanya boleh dicapai dengan rundingan bersama dan mengambil kira pendapat yang berbeza.<sup>63</sup>

Dalam hal ini, Mohd Asri Zainul Abidin turut dilaporkan tidak bersetuju dengan pengharaman SIS kerana mereka

---

<sup>62</sup> "SIS Mencabar Fatwa Liberalisme dan Pluralisme," laman sesawang *Sisters in Islam*, 31 Oktober 2014, <http://www.sistersinislam.org.my/comment.php?comment.news.1304>

<sup>63</sup> *Ibid.*

mempunyai peranan dalam membela kaum wanita dengan baik. Asri menyatakan:

Kelompok feminis ini banyak menyelesaikan masalah kaum wanita yang berhadapan dengan pengurusan cuai Mahkamah Syariah hinggakan ada kes yang tertangguh bertahun-tahun lamanya. Apabila SIS mengambil langkah drastik membela kaum wanita yang tertindas, kita tertanya-tanya adakah kita telah tunaikan hak wanita? SIS menarik perhatian kita tentang kecuai sistem perundangan Islam dalam mengadili kes-kes yang bersangkutan dengan wanita seperti kezaliman suami, hak nafkah, kes cerai dan sebagainya.

Menurut Mohd Asri lagi, satu jawatankuasa perlu ditubuhkan untuk menilai SIS dan mereka hendaklah dipanggil untuk membela diri. Jika mereka gagal untuk mengutarakan secara fakta segala tindak tanduk mereka selama ini, barulah tindakan boleh diambil. Asri menambah:

Haramkan ikut kaedah, itu baru betul. Kita kena ikut cara kaedah Islam dalam hal ini contoh tentang arak dan judi, ada dosa dan manfaat. Setiap sesuatu ada buruk dan baiknya, bukan semuanya secara total baik atau buruk. Begitu juga amat bahaya ‘mengharamkan’ sesuatu sesuka hati.<sup>64</sup>

Walau bagaimanapun, semakan kehakiman yang dikemukakan oleh SIS telah ditolak oleh Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur pada 24 Jun 2016. Hakim menyatakan bahawa Mahkamah Sivil tidak mempunyai bidang kuasa untuk mendengar kes membabitkan kesahihan fatwa. Hanya Mahkamah Syariah sahaja boleh mendengar permohonan SIS tersebut. Namun SIS bertindak memfailkan rayuan terhadap keputusan itu di Mahkamah Rayuan.<sup>65</sup>

Pada 2 Mac 2017, Mahkamah Rayuan membenarkan rayuan dikemukakan oleh SIS di Mahkamah Tinggi oleh hakim yang

---

<sup>64</sup> “Dr Asri Tidak Setuju SIS Diharamkan,” laman sesawang *Mstar*, 10 Jun 2009, <http://www.mstar.com.my/berita/berita-semasa/2009/06/10/dr-asri-tidak-setuju-sis-diharamkan/>

<sup>65</sup> “Hanya Mahkamah Syariah Boleh Dengar Semakan Kehakiman SIS,” laman sesawang *Berita Harian*, 24 Jun 2016, <https://www.bharian.com.my/node/167888>; “Mahkamah Tinggi Tolak Permohonan SIS Cabar Fatwa Isytiharnya Menyeleweng,” laman sesawang *Malaysiakini*, 24 Jun 2016, <https://www.malaysiakini.com/news/346545>

lain.<sup>66</sup> Justeru, Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor melalui JMNS telah membuat rayuan terhadap keputusan Mahkamah Rayuan tersebut di Mahkamah Persekutuan. Pada 11 Julai 2017, Mahkamah Persekutuan membenarkan Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor dan dua responden lagi (MAIS dan Kerajaan Negeri Selangor) membuat rayuan.<sup>67</sup> Sehingga sekarang kes SIS ini masih berjalan dan belum ada keputusan muktamad mengenainya. Untuk rekod, semakan kehakiman yang dikemukakan oleh SIS tersebut merupakan isu fatwa yang pertama kali dicabar di Mahkamah Sivil.

Pada 17 Mei 2015, Wan Ji Wan Husin dilaporkan telah melabelkan pihak yang menggunakan agama sebagai “berhala berserban” supaya umat Islam di negara ini terpengaruh dan taksub sehingga mengiyakan segala apa yang dikatakan oleh mereka. Beliau didapati melabelkan kumpulan tersebut dengan gelaran “berhala berserban” kerana golongan itu dilihat cuba meyakinkan rakyat bahawa mereka “suci dan perlu ditaati”. Wan Ji menyatakan:

Ada pihak (agamawan) yang sentiasa berusaha membodohkan masyarakat atas nama agama. Mereka ini berusaha supaya masyarakat melihat mereka sebagai suci dan perlu ditaati. Berhala berserban ini banyak dalam masyarakat, dalam PAS pun banyak kumpulan seperti ini.

Jelasnya, umat Islam tidak seharusnya menerima bulat-bulat apa yang diperkatakan oleh ulama kerana bukan semua yang diperkatakan golongan itu benar dan perlu diikuti. Wan Ji menambah:

Tuhan adalah Tuhan dan agamawan adalah agamawan. Kita hanya perlu taat kepada Tuhan bukan memberi ketaatan kepada golongan ulama atau agamawan.

Kenyataan ini dipercayai ditujukan kepada institusi agama Islam di Malaysia, khususnya pihak JAIS, yang telah menyekat dan melarang beliau mengadakan kuliah atau ceramah di Selangor.<sup>68</sup>

<sup>66</sup> “Kes SIS Cabar Fatwa Kembali ke Mahkamah Tinggi,” laman sesawang *Malaysiakini*, 2 Mac 2017, <https://www.malaysiakini.com/news/374244>

<sup>67</sup> “Tiga Pihak Dibenar Merayu,” laman sesawang *Utusan Malaysia*, 11 Julai 2017, <http://www.utusan.com.my/berita/mahkamah/tiga-pihak-dibenar-merayu-1.501552>

<sup>68</sup> “Pendakwah Bebas Dakwa Wujud ‘Berhala Berserban’ dalam Masyarakat,” laman sesawang *Astro Awani*, 17 Mei 2015, <http://www.astroawani.com/berita>

Wan Ji juga tidak bersetuju bahawa hanya institusi Islam dan agamawan sahaja yang layak menafsirkan agama. Menurut beliau,

Dengan dua persoalan ini, hati kecil saya agak tidak dapat menjawab terhadap dakwaan bahawa hanya agamawan sahaja layak menafsirkan agama.<sup>69</sup>

Tambah beliau lagi:

Hakikat fahaman aliran Sunni ini tidak membodohkan manusia. Namun, pemandulan akal ini datang dari sebilangan orang-orang Sunni yang tidak mahu digugat kesakralan mereka, sama ada kesakralan dalam kepolitikan ataupun kesakralan dalam mendominasi tafsiran agama.<sup>70</sup>

Wan Ji juga menyatakan bahawa:

Jabatan-jabatan agama Islam punyai pengurusan yang paling lembab. Ilmuan-ilmuan Islam, punyai pendedahan ilmu yang paling tidak ilmiah. NGO-NGO Islam pula, punyai gaya yang cukup penakut ketika berhadapan dengan kelompok yang berbeza, terutama dengan mereka yang bukan beragama Islam. Parti-parti Islam, punyai pendekatan politik yang paling memualkan. Lebih parah, pentadbiran yang berlabel Islam, ramai yang melihat ia berwajah kediktatoran.<sup>71</sup>

Kenyataan ini dilihat bukan sahaja ditujukan kepada institusi agama Islam, sebaliknya Wan Ji turut menyerang golongan ulama dan agamawan.

Turut mengkritik JAIS ialah kumpulan G25 yang membantah penempatan polis tambahan di JAIS bagi membantu mereka dalam hal ehwal penguatkuasaan. Berita yang dilaporkan pada 2 Mei 2016 menyebut bahawa:

G25 dan NGO Islam yang lain telah berulang kali menyuarakan kebimbangan kami mengenai jenayah dosa peribadi dan kepolisan moral. Selain itu, kita bimbang sumber polis yang terhad dipesongkan daripada memerangi kegiatan jenayah sebenar di jalanan dan kediaman di Malaysia yang menjejaskan keselamatan awam.

---

-malaysia/pendakwah-bebas-dakwa-wujud-berhala-berserban-dalam-masyarakat-60136

<sup>69</sup> Wan Ji, *Ulama yang Bukan Pewaris Nabi*, 54.

<sup>70</sup> Wan Ji, *Ulama yang Bukan Pewaris Nabi*, 68.

<sup>71</sup> Wan Ji, *Ulama yang Bukan Pewaris Nabi*, 149.

G25 turut menegaskan bahawa orang ramai mahukan polis menggunakan semua sumber yang ada untuk melaksanakan fungsi-fungsi teras mereka, bukan menjadi polis moral kepada institusi agama Islam. Di bawah Akta Polis 1967, fungsi polis adalah termasuk memelihara undang-undang dan ketenteraman, mengekalkan keamanan dan keselamatan Malaysia, mencegah dan mengesan jenayah, menangkap dan mendakwa pesalah serta tugas risikan keselamatan. G25 menyatakan:

Kepolisian moral tidak dimasukkan dalam senarai tugas polis di bawah Akta Polis. Anggota polis adalah lebih penting untuk melindungi keselamatan rakyat Malaysia daripada mengganggu individu untuk dosa-dosa peribadi. Kepolisian moral tidak meningkatkan kualiti hidup di bandar-bandar Malaysia. Mengurangkan kadar jenayah, ya.<sup>72</sup>

Manakala Syed Farid al-Attas dalam artikelnya bertajuk *Muslim Sectarianism and the Amman Message*, mengkritik tindakan institusi agama Islam, khususnya JAIS, yang menangkap pasangan berkhawat dengan menggunakan khidmat polis. Farid menyatakan:

Dalam kes kepolisan moral, 52 pasangan Islam yang belum berkahwin didakwa salah laku seks kerana melakukan khalwat (berdekatan). Mereka telah ditangkap oleh polis moral Islam Malaysia di dalam bilik hotel bajet di Selangor sebelum subuh pada 1 Januari 2010.<sup>73</sup>

Selain itu, golongan muda dari gerakan buku *indie* iaitu Benz Ali turut mengkritik MAIS dan JAIS. Dalam status Facebooknya pada 10 Mei 2014, yang kemudian dipadam olehnya, menyatakan bahawa:

Aku tidak suka dengan JAIS, dan betapa hari ini, lebih ramai orang beriman dengan jabatan, dan bukan beriman dengan Tuhan (keimanan yang penuh kepura-puraan). JAIS, selain dari kerja kopak pintu, pecah pintu, skodeng orang buat projek, apa lagi yang JAIS lakukan?... Betapa teruknya orang-orang jabatan agama, makan gaji buta, cuma untuk

---

<sup>72</sup> "G25 Ingatkan Polis Jangan Kawal Moral, Perangi Jenayah," laman sesawang *Malaysiakini*, 2 Mei 2016, <https://www.malaysiakini.com/news/339998>

<sup>73</sup> Syed Farid al-Attas, "Muslim Sectarianism and the Amman Message" Dlm. *Breaking The Silence: Voices of Moderation*, 166.

tangkap orang buat projek, ini memalukan, siapa yang kerja jabatan agama patut malu.

Status ini ditulis selepas JAIS memanggil beliau pada 7 Mei 2014.<sup>74</sup> Beliau juga menuduh institusi-institusi Islam dan agamawan sebagai punca kepada kes murtad dan sesat. Benz Ali menambah:

Orang-orang menjadi ‘murtad’, sesat, ‘liberal’, dsl (dan segala label) ini bukan salah orang-orang itu. Tetapi salah ‘orang-orang agama’ itu sendiri” “Wailak ya rijaludin. Wailak ya rijaludin.”<sup>75</sup>

Bukan itu sahaja, Benz Ali turut mengkritik bidang kuasa institusi Islam di Malaysia. Benz Ali menyatakan bahawa:

Kumpulan Islamis sangat ketagihkan kuasa. Dengan kuasa, mereka boleh bertindak, menguasai orang-orang lain, menghukum orang-orang yang berbeza dan menguasai sumber ekonomi. Kerana itulah, melainkan Jamaah Tabligh, kesemua gerakan Islamis baik yang berada di luar kekuasaan buat masa ini (seperti ISMA, PEMBINA, HT, IKRAM) atau berada pada kekuasaan separuh-separuh (seperti PAS) atau yang di dalam lingkaran kekuasaan (ILMU, JAKIM, Pusat Zakat, Mufti dan segala aparat keagamaan seperti JAIS) berlumba-lumba merebut kekuasaan dan sedaya upaya menggunakan segala nas yang ada dari segala macam sumber untuk mempertahankan kekuasaan dan mengabsahkan gerakan mereka. Masalah yang berlaku, dari segi idea, mereka hampir tidak ada dan mereka benar-benar berharap dengan kekuasaan untuk mendominasi orang-orang yang tidak berkuasa. Jadi tidak peliklah mereka suka menyekat itu menyekat ini, kerana mereka adalah gerakan yang loser dan tidak ada kekuatan berhujah.<sup>76</sup>

---

<sup>74</sup> Lihat Muhammad Rashidi Wahab dan Siti Nur Hidayah Kusnin, “Laporan Awal: Sorotan Fenomena Buku Indie di Malaysia,” Shah Alam: Jabatan Agama Islam Selangor, [http://www.jais.gov.my/sites/default/files/Laporan%20awal\\_Fenomena%20Buku%20Indie.pdf](http://www.jais.gov.my/sites/default/files/Laporan%20awal_Fenomena%20Buku%20Indie.pdf) link not found

<sup>75</sup> Amir Hamzah Akal Ali @ Benz Ali, *Antithesis* (Kuala Lumpur: Dubook Press. 2014), 60-61.

<sup>76</sup> Benz Ali, *Antithesis*, 226-227.



Akhirnya, Benz Ali membuat kesimpulan bahawa agamawan dan institusi Islam di Malaysia langsung tidak memberi manfaat. “Agamawan memang tidak berguna,” katanya.<sup>77</sup>

Disamping itu, Zairil Khir Johari mengkritik tindakan JAIS memperkenalkan aplikasi pintar Amar Ma'ruf Nahi Munkar (AMAR). Satu bahagian dalam aplikasi ini menimbulkan kekusaran iaitu bahagian perkhidmatan aduan yang membolehkan orang ramai untuk melaporkan aktiviti khalwat, ajaran sesat, ceramah agama yang tidak mempunyai permit dan sebagainya. Zairil menyatakan:

Berkenaan isu melaporkan aktiviti khalwat, adalah dikhuatiri perbuatan ini akan menggalakkan perbuatan kemungkaran yang lain, iaitu tajassus (mengintip aib orang lain) yang turut dibenci oleh Allah dan Rasulnya. Hal ini adalah sebagaimana yang dipertegaskan dalam ayat 12 Surah al-Hujurat.

Menurut Zairil lagi, aplikasi ini juga menimbulkan masalah dari segi persaksian. Sebagaimana yang dinyatakan dalam Garis Panduan Umum Operasi Tangkap Khalwat Negeri Perlis (2011), jika pemberi maklumat melakukan tajassus, maka dia fasik dan pemberitahuan orang fasik adalah ditolak. Dalam erti kata lain, maklumat tidak boleh diperolehi daripada perbuatan *tajassus*. Sebaliknya, ia sepatutnya berasaskan zahirnya kemungkaran tersebut, seperti nampak dari luar rumah, atau bunyi kuat yang meyakinkan maksiat sedang berlaku. Matlamat ini tidak boleh dicapai dengan kaedah menggalakkan orang untuk mengintip dosa peribadi orang lain, khususnya apabila ia tidak ada hubung kait secara langsung dengan kemaslahatan masyarakat.<sup>78</sup>

Selain di Selangor, institusi Islam di negeri-negeri lain turut menerima serangan dan kritikan yang bertali-arus. Contohnya di Negeri Sembilan, tiga lelaki transgender telah mencabar keputusan Mahkamah Syariah di Mahkamah Sivil, yang menjatuhkan hukuman kepada mereka kerana berpakaian seperti wanita. Setelah semakan kehakiman itu tidak berjaya di Mahkamah Tinggi Seremban, namun pada 7 November 2014, Mahkamah Rayuan yang mendengar rayuan mereka memutuskan bahawa Seksyen 66

<sup>77</sup> Benz Ali, *Antithesis*, 152.

<sup>78</sup> Zairil Khir Johari, “Aplikasi Pintar ‘Amar’ JAIS - Mengapa Mengalakkan Tajassus?,” laman sesawang *Zairil Khir Johari*, 10 Oktober 2016, <http://www.zairil.com/aplikasi-pintar-amar-jais-mengapa-mengalakkan-tajassus/>

Enakmen Jenayah Syariah (Negeri Sembilan) 1992 yang memperuntukkan hukuman ke atas lelaki Islam berpakaian wanita adalah tidak sah dan bercanggah dengan Perlembagaan. Ia juga mendiskriminasi lelaki Islam yang menghadapi keadaan dikenali masalah identiti gender (GID) dari segi perubatan.<sup>79</sup> Walau bagaimanapun, Mahkamah Persekutuan telah membenarkan Kerajaan Negeri Sembilan membuat rayuan terhadap keputusan Mahkamah Rayuan tersebut. Pada 8 Oktober 2015, Mahkamah Persekutuan mengetepikan keputusan Mahkamah Rayuan dan memutuskan bahawa permohonan untuk mencabar kesahihan enakmen itu tidak boleh dibuat melalui semakan kehakiman. Mahkamah Persekutuan juga menyatakan bahawa responden dalam kes ini tidak mengikut prosedur yang betul dan hakim di Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Rayuan tidak sepatutnya melayan permohonan tersebut.<sup>80</sup>

Selain itu, institusi zakat juga dikritik hebat dan ditularkan oleh pelbagai pihak.<sup>81</sup> Mohd Asri Zainul Abidin contohnya, mempersoalkan ke mana perginya RM1 billion duit zakat yang dikutip saban tahun, tetapi masih ramai umat Islam negara ini yang hidup dalam kesempitan. Maka satu kajian telus perlu dibuat bagi menyasat isu kutipan dan perbelanjaan wang zakat oleh badan agama.<sup>82</sup> Pada masa yang sama, Perlis turut dikritik kerana mengutip zakat di negeri-negeri yang lain, termasuk di Selangor. Perkara ini menyebabkan Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor yang bersidang pada 4 Oktober 2016 membincangkan perkara berkenaan dan memutuskan bahawa:

---

<sup>79</sup> "Lelaki Berpakaian Wanita: Mahkamah Rayuan Tolak Keputusan Mahkamah Tinggi," laman sesawang *Utusan Malaysia*, 8 November 2014, <http://www.utusan.com.my/berita/mahkamah/lelaki-berpakaian-wanita-mahkamah-rayuan-tolak-8232-keputusan-mahkamah-tinggi-1.22166>;

"Mahkamah Ishtihar Lelaki Berpakaian Wanita di N. Sembilan Bukan Jenayah," laman sesawang *Berita Harian*, 7 November 2014, <http://www.bharian.com.my/node/16300>

<sup>80</sup> "Mahkamah Persekutuan ketepikan keputusan Mahkamah Rayuan," laman sesawang *Harian Metro*, 8 Oktober 2015, <https://www.hmetro.com.my/node/83509>

<sup>81</sup> "Viral Negatif Zakat," laman sesawang *Utusan Malaysia*, 3 Ogos 2016, <http://www.utusan.com.my/rencana/agama/viral-negatif-zakat-1.365687>

<sup>82</sup> "Asri: Mana RM1 Billion Duit Zakat?," laman sesawang *Malaysiakini*, 25 Februari 2014, <https://www.malaysiakini.com/news/255330>

Mana-mana pihak selain Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) dan Lembaga Zakat Selangor (LZS) bagi mengutip zakat di negeri Selangor dan mengagihkan keluar negeri Selangor tanpa izin ulil-amri adalah tidak sah dari segi hukum syarak dan bercanggah dengan peruntukan undang-undang sedia ada.<sup>83</sup>

Institusi zakat juga tidak terlepas daripada serangan Benz Ali yang menyatakan bahawa:

Kenapa kutip duit berjuta-juta tapi tak boleh nak sediakan peluang pekerjaan atau modal perniagaan? Memanglah rumit dan leceh, serta kos. Ya, inilah gunanya duit berjuta-juta tadi. Bukan untuk kau makan dan membesarkan perut kau.<sup>84</sup>

Dalam pada itu, Jabatan Agama Wilayah Persekutuan (JAWI) menerima ugutan saman daripada Siti Kasim susulan serbuan JAWI terhadap majlis mak nyah pada 3 April 2016 di Kuala Lumpur. Majlis tersebut dikatakan bertujuan untuk mengumpul dana bagi komuniti transgender. Siti Kasim menyatakan:

Kami sedang mengumpul peguam untuk merangka pelan tindakan seterusnya. Kami akan menyaman bukan sahaja JAWI, tetapi mana-mana pihak terlibat dalam insiden itu.

Menurut Siti Kasim lagi, pegawai JAWI telah menghalang semua laluan dan menjadikan mereka umpama banduan. Siti Kasim menambah:

Ada beberapa isu yang perlu diketengahkan termasuk prosedur penahanan dan menyerbu ruang majlis yang tidak dipatuhi pihak berkuasa agama itu.<sup>85</sup>

Berhubung isu ini, Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) membantah pendakwaan JAWI ke atas Siti Kasim

---

<sup>83</sup> “Kutipan Zakat di Negeri Selangor yang Diserahkan ke Negeri Perlis Melalui NGO yang Dilantik oleh Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (Maips),” laman sesawang Rasmi *Jabatan Mufti Negeri Selangor*, 2016, <http://www.muftiselangor.gov.my/fatwa-personalisation/fatwa-tahunan/keputusan-fatwa-xwarta/2016/667-kutipan-zakat-di-negeri-selangor-yang-diserahkan-ke-negeri-perlis-melalui-ngo-yang-dilantik-oleh-majlis-agama-islam-dan-adat-istiadat-melayu-perlis-maips>

<sup>84</sup> Benz Ali, 24 Jun 2016. <https://www.facebook.com/ilazneb/posts/1381233671893035>

<sup>85</sup> “Serbu Majlis Mak Nyah, Peguam Pertimbang Saman JAWI,” laman sesawang *Mstar*, 5 April 2016, <http://www.mstar.com.my/berita/berita-semasa/2016/04/05/pertimbang-saman-jawi/>

yang dituduh menghalang penjawat awam menjalankan tugas.<sup>86</sup> Pada masa yang sama, keluarga Kassim Ahmad juga sedang merancang untuk menyaman JAWI atas tuduhan menyebabkan kematiannya. Keengganan JAWI menarik balik pertuduhan mereka dikatakan telah memburukkan lagi kesihatan Kassim yang kemudian meninggal dunia pada 10 Oktober 2017.<sup>87</sup>

Terkini, Mahkamah Tinggi Syariah Terengganu turut diserang kerana didapati menjatuhkan hukuman sebat kepada pasangan lesbian yang cuba melakukan hubungan sejenis. Pasangan itu mengaku kerap ‘terlanjur’ melakukan hubungan kelamin sejenis kerana merasa lebih selamat berbanding melakukan hubungan dengan lelaki.<sup>88</sup> Walau bagaimanapun, SUHAKAM dalam kenyataannya mengecam keputusan tersebut dan menyifatkan ia sebagai menghina maruah wanita. “Hukuman sebegitu adalah menghina, merendahkan dan seolah-olah suatu usaha tindakan memalukan wanita-wanita itu dan keluarga mereka. Ia sekali gus bertentangan dengan nilai martabat manusia, dan tidak selari dengan komitmen menjaga maruah seseorang seperti yang dianjurkan dalam setiap agama,” kata SUHAKAM. Mereka juga menegaskan bahawa hukuman sebat dalam keadaan apapun adalah melanggar larangan mutlak penyeksaan dan hukuman kejam, tidak berperikemanusiaan atau menghina di bawah undang-undang antarabangsa.<sup>89</sup> Selain SUHAKAM, pertubuhan SIS,<sup>90</sup> COMANGO<sup>91</sup> dan Badan Peguam turut

---

<sup>86</sup> “Gugurkan Pendakwaan Siti Kasim, Gesa Suhakam,” laman sesawang *Malaysiakini*, 1 Julai 2017, <https://www.malaysiakini.com/news/387107>

<sup>87</sup> “Muslim Thinker Kassim Ahmad Dies; Family to Seek Compensation From Jawi,” laman sesawang *Malay Mail Online*, 10 Oktober 2017, <https://www.malaymail.com/s/1483853/muslim-thinker-kassim-ahmad-dies-family-to-see-compensation-from-jawi>

<sup>88</sup> “Pasangan Lesbian Didenda, Disebat,” laman sesawang *Sinar Harian*, 12 Ogos 2018, <http://www.sinarharian.com.my/edisi/terengganu/pasangan-lesbian-didenda-disebat-1.867672>

<sup>89</sup> “Sebat, Denda Kerana Cubaan Aksi ‘Lesbian’: Suhakam Kecam Keputusan Mahkamah Terengganu,” laman sesawang *Astro Awani*, 15 Ogos 2018, <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/sebat-denda-kerana-cubaan-aksi-lesbian-suhakam-kecam-keputusan-mahkamah-terengganu-183097>

<sup>90</sup> Sisters In Islam, 24 Ogos 2018, <https://www.facebook.com/officialSIS/posts/10156460640669519>

<sup>91</sup> COMANGO, 24 Ogos 2018, <https://www.facebook.com/COMANGO/posts/2021030331282181>

membantah keputusan tersebut dan menyifatkan hukuman sebat sebagai keras dan kejam. Maka hukuman sebat ini perlu dimansuhkan, gesa Badan Peguam.<sup>92</sup>

### **Negara Sekular: Asas Penolakan terhadap Institusi Islam di Malaysia**

Liberalisme ialah suatu idea serta fahaman yang memperjuangkan kebebasan individu dan kesamarataan individu-individu dalam masyarakat. Secara bahasanya, liberal bermaksud bebas, bertoleransi, berfikiran luas, terbuka, pemurah, tidak ketat atau tepat dan tidak harfiah.<sup>93</sup> Sebagai sebuah konsep pula, teras kepada idea liberalisme ialah keprihatinan dalam melindungi dan menggalakkan kebebasan dan autonomi individu dalam penentangan terhadap pihak lain sama ada negara, masyarakat atau individu yang boleh mengganggu kebebasan dan autonomi dalam segala aspek.<sup>94</sup> Secara lebih jelas, liberalisme merupakan suatu kepercayaan, falsafah hidup dan gerakan yang meletakkan idea kebebasan sebagai prinsip tertinggi dan dominan dalam usaha untuk membebaskan manusia daripada sebarang kawalan moral dan menggantikan peranan agama dalam mengatur kehidupan individu dan masyarakat.<sup>95</sup> Justeru, liberalisme dalam agama boleh difahami sebagai pemikiran atau ideologi yang ingin melonggarkan kepercayaan dalam keagamaan dengan membebaskan alam serta manusia dari kongkongan Tuhan serta wahyu.<sup>96</sup> Dalam konteks wacana pemikiran Islam pula, Islam Liberal adalah sebuah doktrin yang berpegang dengan pemahaman

<sup>92</sup> “Badan Peguam Sifatkan Hukuman Sebat Sebagai Keras, Kejam,” laman sesawang *The Malaysian Insight*, 29 Ogos 2018, <https://www.themalaysianinsight.com/bahasa/s/91613>; “Badan Peguam Gesa Mansuh Hukuman Sebat,” laman sesawang *Berita Harian*, 29 Ogos 2018, <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2018/08/467480/badan-peguam-gesa-mansuh-hukuman-sebat>

<sup>93</sup> Asmah Omar et al., ed. *Oxford Fajar Advanced Learner's English-Malay Dictionary* (Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti, 2001), 1059.

<sup>94</sup> John Schwarzmantel, *The Age of Ideology: Political Ideologies from the American Revolution to Postmodern Times* (London: Macmillan Press, 1998), 68.

<sup>95</sup> Encyclopaedia Britannica, Inc. *The New Encyclopaedia Britannica* (USA: Chicago, 1994), 13:990.

<sup>96</sup> Macmillian Publishing Company, *The Encyclopedia of Religion*, ed. Mircea Eliade (New York: Macmillian Publishing Company, 1987), 10:7.

semula wahyu berdasarkan paradigma liberalisme dalam melihat kehidupan semasa.<sup>97</sup>

Dalam hal ini, asas penolakan golongan liberal terhadap institusi Islam sebagai autoriti agama, adalah berpunca daripada pegangan mereka yang berpaksikan kepada sekularisme.<sup>98</sup> Mereka hanya menerima konsep negara sekular berasaskan demokrasi liberal untuk dipraktik dalam pentadbiran negara. Negara sekular terbangun di atas doktrin bahawa agama harus dipisahkan daripada urusan politik dan pentadbiran kenegaraan, atau negara sekular ialah sesebuah negara atau kerajaan yang bebas tidak terikat daripada sebarang pengaruh agama. Justeru, negara sekular tidak mempunyai sebarang agama rasmi.<sup>99</sup> Maka sebuah kerajaan sekular tidak boleh sesekali menggunakan kemudahan atau dana negara untuk sebarang program, polisi mahupun dasar yang

---

<sup>97</sup> Wan Adli Wan Ramli, "Menangani Cabaran Liberalisme dalam Kalangan Muslim Berdasarkan Konsep Ijmak," *Jurnal Usuluddin* 40 (2014), 27-49.

<sup>98</sup> Menurut Harvey Cox, sekularisme merujuk kepada program falsafah untuk membebaskan manusia daripada kongkongan keagamaan dan metafizik yang mengatur kehidupan, dengan cara mengalihkan urusan ukhrawi kepada duniawi. Dalam hal ini, David Martin merumuskan bahawa pengertian sekularisme sering kali dikaitkan dengan dua aspek iaitu, pertama keagamaan dan kebudayaan bagi mengurangkan institusi gereja dalam segala hal termasuklah berkaitan persoalan keagamaan, kedua pemikiran dan sikap masyarakat yang terarah kepada hal keduniaan semata-mata. Lihat Harvey Cox, *The Secular City: Secularization and Urbanization in Theological Perspective* (New York: MacMillan, 1966), 17; David Martin, *The Religious and The Secular* (London: Routledge and Kagen Paul, 1969), 48. Lihat juga Syed Muhammad Naquib al-Attas, *Islam and Secularism* (Kuala Lumpur: IBFIM, 2014), 17.

<sup>99</sup> Christian Joppke, *The Secular State Under Siege: Religion and Politics in Europe and America* (United Kingdom: Polity Press., 2015), 1; Iain T. Benson, *Notes Towards s (Re)Definition of the "Secular, University of British Columbia Law Review* 33(3) (Kanada: University of British Columbia Press, 2000), 530. Lihat juga penjelasan Wan Mohd Nor Wan Daud yang menyenaraikan empat ciri negara sekular iaitu; i. Negara sekular tidak akan menobatkan sesuatu agama sebagai agama rasmi negara, ii. Negara sekular tidak akan memperuntukan dana awam untuk membangunkan lembaga dan institusi agama, iii. Negara sekular tidak akan menganjurkan pendidikan bersifat agama dalam sistem pendidikan kebangsaan yang dibiayai dana awam, iv. Undang-undang negara sekular ditentukan oleh kehendak golongan berkuasa. Lihat Wan Mohd Nor Wan Daud, "Kontroversi Negara Sekular dan Negara Islam: Satu Penyelesaian," Dlm. *Majalah al-Hikmah* 20, no. 3 (2001), 6-18.

memberikan kelebihan kepada mana-mana agama.<sup>100</sup> Perkara ini selari dengan perjuangan awal sekularisme di Barat yang menolak serta memisahkan campur tangan gereja (agama Kristian) dalam kerajaan dan kehidupan peribadi manusia. Disebabkan itu, golongan Islam Liberal turut menolak sistem politik Islam serta negara Islam, yang antara lainnya memberikan peranan agama dalam negara dan kerajaan. Pada masa yang sama, konsep negara sekular dilihat sebagai reaksi balas mereka terhadap idea kerajaan teokrasi di beberapa negara Islam.

Lantaran itu, bagi melaksanakan idea negara sekular ini, golongan liberal akan mempromosi sistem demokrasi liberal, iaitu sistem politik yang memberikan kebebasan individu kepada rakyat negaranya, termasuklah dalam persoalan agama.<sup>101</sup> Demokrasi liberal dahulunya berkembang melalui sistem ekonomi kapitalisme yang memberikan kebebasan sepenuhnya kepada setiap orang untuk melaksanakan kegiatan ekonomi mereka.<sup>102</sup> Dalam sistem politik ini, selain kebebasan bersuara diiktiraf sebagai salah satu daripada hak asasi manusia, keputusan majoriti terhadap sesuatu perkara perlu diterima dan dipersetujui oleh pemerintah, walaupun berlaku pertentangan dengan prinsip agama dan moral atau terpaksa menolak autoriti ilmu dan kebenaran wahyu. Pemerintah perlu tunduk kepada semua kehendak dan tuntutan rakyat kerana parti politik yang mencapai kemenangan dalam pilihan raya memperoleh undi daripada rakyat. Rakyat berhak serta bebas untuk menentukan dan mencorakkan perjalanan negara dan kerajaan masing-masing mengikut cita rasa mereka.<sup>103</sup>

---

<sup>100</sup> Alex Deagon, "Secularism as a Religion: Questioning the Future of the 'Secular' State," *The Western Australian Jurist* 8 (2017), 48-49; Kathleen M. Sullivan, "Religion and Liberal Democracy," *The University of Chicago Law Review* 59 (1992), 208-209.

<sup>101</sup> Bryan T. McGraw, *Faith in Politics: Religion and Liberal Democracy* (Cambridge, UK: Cambridge University Press, 2010), 1.

<sup>102</sup> Menurut C. B. Macpherson lagi, sesebuah negara yang menyatakan mereka mengamalkan sistem demokrasi liberal secara dasarnya mereka dikehendaki berpegang dengan liberalisme. Justeru, rakyat dan masyarakat perlu bersifat liberal terlebih dahulu sebelum mengambil demokrasi. Lihat C. B. Macpherson, *The Real World of Democracy* (Oxford: Clarendon Press, 1971), 4-6.

<sup>103</sup> Bagi menggambarkan kelebihan idea ini, pendukung demokrasi liberal selalunya akan menggunakan kata-kata Abraham Lincoln yang berbunyi "kerajaan rakyat, dari rakyat, untuk rakyat" sebagai hujah mereka.

Konsep negara sekular dan demokrasi liberal ini juga berkaitan dengan doktrin kebebasan individu secara mutlak, yang merupakan kesinambungan daripada idea kebebasan dari kongkongan Tuhan dan agama.<sup>104</sup> Ini kerana, berpegang dengan kebebasan individu dalam semua perkara adalah teras utama dalam setiap ciri liberalisme. Maka kerajaan atau masyarakat, atau sesiapa sahaja, tidak boleh untuk campur tangan dalam urusan individu, termasuklah dalam soal agama. Rakyat bebas memilih agama mereka sendiri. Sebarang persoalan agama adalah urusan peribadi individu dan kerajaan tidak berhak untuk campur tangan. Oleh itu, agama yang mencampuri urusan awam dan individu adalah satu bentuk kongkongan yang perlu dihapuskan. Justeru, institusi agama atau sebarang perkara yang memberikan peranan kepada agama dalam sesebuah kerajaan, tidak boleh wujud sama sekali dalam negara sekular.<sup>105</sup> Maka setiap institusi agama perlu dihapuskan kerana telah mencampuri urusan peribadi rakyat dalam soal menentukan agama dan kepercayaan individu.<sup>106</sup> Ini bermaksud, Malaysia yang memperuntukkan Islam sebagai agama bagi Persekutuan melalui Perlembagaan Persekutuan dalam Perkara 3(1),<sup>107</sup> dan seterusnya menubuhkan institusi-institusi agama Islam, adalah bercanggah dengan prinsip golongan liberal.

Disebabkan itu, golongan liberal di Malaysia akan menyerang Perlembagaan, sama ada secara langsung atau tidak langsung, dengan menafikan bahawa agama Islam di Malaysia sebagai

---

<sup>104</sup> Berkaitan hal ini, Friedrich Wilhelm Nietzsche (m. 1900M) telah menyatakan bahawa Tuhan telah mati. Maka kehidupan dunia kini diisytiharkan bebas daripada kongkongan Tuhan dan agama. Lihat Friedrich Nietzsche, *The Gay Science* (Leipzig: E. W. Fritzsche., 1887), no: 108. 167.

<sup>105</sup> Dalam hal ini, Alfred Stepan menegaskan bahawa institusi agama, jika ada, tidak sepatutnya memiliki sebarang keistimewaan yang dijamin oleh Perlembagaan untuk memaksa, menghadkan atau memutuskan apa-apa keputusan yang dilakukan oleh kerajaan secara demokratik. Tiada kumpulan agama yang boleh dinafikan hak mereka dalam politik demokrasi liberal ini. Lihat Alfred Stepan, *Arguing Comparative Politics* (New York: Oxford University Press, 2001), 216-217.

<sup>106</sup> Charles Kuzman menjelaskan bahawa salah satu ciri liberalisme dan modenisme dalam Islam adalah menolak autoriti agama. Institusi Islam salah satu daripada autoriti agama dalam konteks negara Islam. Lihat Charles Kuzman, ed. *Modernist Islam* (London: Oxford University Press, 2002), 13.

<sup>107</sup> Kerajaan Malaysia, *Perlembagaan Persekutuan* (Putrajaya: Pesuruhjaya Penyemak Undang-Undang Malaysia, 2010), 20.



agama bagi Persekutuan. Malaysia dikatakan sebuah negara sekular. Manakala sebahagian mereka yang lain pula sengaja menafsirkan kedudukan Islam dalam Perlembagaan sekadar agama rasmi sahaja, dengan fungsi Islam dihadkan kepada perkara yang bersifat upacara sahaja. Tujuan golongan liberal menafsirkan demikian adalah untuk memaksa Malaysia menjadi sebuah negara sekular secara halus dengan mengetepikan peranan agama Islam dalam negara. Maka sebarang perkara yang berkaitan dengan pengukuhan kedudukan agama Islam di Malaysia perlu dihalang. Bagi mencapai tujuan ini, golongan liberal gemar menggunakan kenyataan Tunku Abdul Rahman yang dilaporkan berkata:

Negara mempunyai penduduk berbilang kaum dengan pelbagai kepercayaan. Malaysia mesti terus sebagai negara sekular dengan Islam sebagai agama rasmi.

Tambah Tunku lagi:

Dalam pernyataan saya yang terdahulu tentang agama, saya telah menyebut negara ini adalah negara sekular. Maksudnya negara ini bukan negara Islam.<sup>108</sup>

Begitu juga kenyataan Mohamed Salleh Abas dalam satu penghakiman pada tahun 1988, yang menyatakan bahawa Malaysia mengamalkan undang-undang sekular.<sup>109</sup>

Kedua-dua kenyataan ini sering dijadikan hujah oleh golongan liberal untuk menafsirkan bahawa Perlembagaan Persekutuan adalah sekular yang hanya meletakkan Islam sekadar agama rasmi negara sahaja, dan ini bermaksud Malaysia adalah negara sekular. Contohnya, Zaid Ibrahim secara berterus-terang menyatakan bahawa Malaysia adalah negara sekular. Melalui artikel bertarikh 19 Januari 2011 Zaid berkata:

Orang Melayu tak faham perkataan sekular, sebab itu jadi masalah. (Ada pihak) putar belit perkataan itu seolah-olah sekular itu menukar agama. Maka orang Melayu takut, orang Islam takut.

Jelasnya, Perlembagaan Persekutuan menetapkan Malaysia sebagai negara sekular, berbeza dengan negara seperti Iran yang dipimpin oleh ketua agama. “Kita tak mahu negara seperti itu. Kita

---

<sup>108</sup> *The Star*, 9 Februari 1983, t.h. Arkib Negara Malaysia.

<sup>109</sup> *Malayan Law Journal (MLJ)*, *The Malayan Law Journal* (Singapore: Malayan Law Journal. 1998), 2:55.

mahu wakil rakyat yang menentukan dasar, itu makna sekular,” katanya. Tambahnya lagi:

Negara ini diasaskan sebagai negara Demokrasi Berperlembagaan yang sekular dengan Islam sebagai agama rasmi, maka ia harus kekal sebegitu. Untuk mengekalkan keharmonian dan keamanan dalam sebuah negara berbilang agama, kepercayaan agama tidak boleh menentukan dasar awam melampaui nilai-nilai kemanusiaan yang diterima umum. Jika kita memilih untuk mengabaikan prinsip ini, kita yang akan musnah.

Maka isu-isu melibatkan perundangan Islam seperti masalah berkaitan rumah ibadat dan konflik bidang kuasa Mahkamah Sivil dan Mahkamah Syariah dapat diselesaikan sekiranya Perlembagaan dijadikan ‘prinsip pemandu’.<sup>110</sup>

Selain itu, Mohd Sheriff Mohd Kassim yang merupakan salah seorang ahli G25, melalui artikelnya *The Federal Constitution and Malaysia's Development*, menyatakan bahawa walaupun Islam adalah agama rasmi negara ini di bawah Perlembagaan, ia bukanlah asas untuk mentadbir negara. Semua pakar Perlembagaan telah bersetuju menyatakan bahawa Malaysia adalah mengikut definisi sebuah negara sekular. Tegasnya, ciri sekular dalam Perlembagaan telah direka untuk mewujudkan perpaduan di kalangan pelbagai kaum. Oleh itu, ia perlu kekal sebagai rangka kerja asas untuk negara kita.<sup>111</sup> Dalam erti kata lain, Malaysia perlu kekal sebagai sebuah negara sekular. Siti Kasim pula menyatakan bahawa Malaysia adalah sebuah negara sekular dan bukannya sebuah negara Islam, kerana Malaysia tidak menjalankan sepenuhnya undang-undang Islam. Manakala Kassim Ahmad mendesak kerajaan agar meminda Perlembagaan dengan menghapuskan peruntukan Islam sebagai agama Persekutuan. Pihak kerajaan tidak boleh campur tangan dalam hal ehwal agama, kerana menurutnya, kaedah pentadbiran Islam di negara ini hanya membawa kepada konflik agama. Kassim menyatakan:

---

<sup>110</sup> “Zaid Terus Terang KITA Sekular,” laman sesawang *Malaysiakini*, 19 Januari 2011, <https://www.malaysiakini.com/news/153837>

<sup>111</sup> Mohd Sheriff bin Mohd Kassim, “The Federal Constitution and Malaysia's Development” Dlm. *Breaking The Silence: Voices Of Moderation* (Kuala Lumpur: Marshall Cavendish Malaysia Sdn Bhd., 2016), 213.

Kita perlu meminda Perlembagaan, agama Persekutuan dalam Perlembagaan mesti dikeluarkan. Kerajaan mesti adil, negara tidak mempunyai agama, (hanya) rakyat mempunyai agama.<sup>112</sup>

Marina Mahathir pula menyatakan bahawa status Islam sebagai agama Persekutuan menyukarkan, terutamanya dalam pengasingan agama dari pentadbiran. Ia telah membawa penafsiran berbeza mengenai peranan agama dalam kerajaan sehingga Islam digunakan dalam setiap perkara.<sup>113</sup> Semua kenyataan yang dikemukakan di atas membuktikan bahawa asas penolakan golongan liberal terhadap institusi agama adalah berpunca daripada pegangan mereka terhadap sekularisme. Ideologi ini telah melahirkan konsep negara sekular, demokrasi liberal dan kebebasan individu yang menjadi ciri penting dalam pemikiran liberal. Dalam konteks Malaysia, golongan liberal sedaya upaya untuk menghapuskan institusi-institusi agama Islam, sama ada di peringkat Persekutuan atau negeri. Bagi mencapai tujuan tersebut, mereka menyerang kedudukan agama Islam dalam Perlembagaan Persekutuan dengan maksud untuk meletakkan Malaysia sebagai negara sekular yang tidak terikat dengan peranan agama. Jika usaha mereka ini berjaya, maka institusi agama Islam di Malaysia dapat dihapuskan.

### **Kedudukan dan Peranan Institusi Islam di Malaysia**

Sebagaimana dijelaskan di atas, kritikan golongan liberal terhadap institusi Islam di peringkat Persekutuan pada asasnya tertumpu kepada penafsiran Malaysia sebagai negara sekular. Sebagai sebuah negara sekular, kerajaan tidak boleh memberikan sebarang peranan atau kelebihan kepada agama Islam. Atas dasar ini,

<sup>112</sup> “Governments Have No Business Meddling in Islam, Says Scholar Kassim,” *The Malaysian Insight*, 17 April 2017, <https://www.themalaysianinsight.com/s/1752>; “Kassim Ahmad - Hapuskan Islam Sebagai Agama Persekutuan, *Menara*, 18 April 2017, <https://www.menara.my/kassim-ahmad-hapuskan-islam-sebagai-agama-persekutuan>

<sup>113</sup> “State Religion Status Leaves Many ‘Outside The Box’,” *Free Malaysia Today*, 29 Disember 2017, <http://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2017/12/29/state-religion-status-leaves-many-outside-the-box/>; “Status Islam Sebagai Agama Negara Menyukarkan - Marina Mahathir,” *Menara*, 29 Disember 2017, <https://www.menara.my/status-islam-sebagai-agama-negara-menyukarkan-marina-mahathir/>

institusi agama Islam seperti JAKIM dan lain-lain hendaklah dihapuskan kerana kewujudannya dikatakan tidak berpelembagaan dan mengganggu hak kebebasan individu rakyat Malaysia. Ini bermaksud, kritikan lain seperti meminta supaya serbuan serta undang-undang khalwat dihapuskan, mempersoalkan peruntukan kepada JAKIM, membantah pengharaman buku dan sebagainya lagi, hanyalah bersifat cabang daripada persoalan pokok iaitu ingin menjadikan Malaysia sebuah negara sekular. Manakala serangan golongan liberal terhadap institusi Islam di peringkat negeri pula lebih tertumpu kepada usaha untuk melemahkan fungsi institusi agama Islam di negeri-negeri. Antaranya mereka akan mencabar keputusan fatwa di Mahkamah Sivil dan mengkritik secara keterlaluan setiap tindakan yang dilakukan oleh institusi agama Islam negeri-negeri, termasuklah berkaitan isu zakat dan sebagainya lagi.

Selain itu, golongan liberal juga sedaya-upaya mengkritik dan menyerang institusi Islam dengan pelbagai dakwaan dan kenyataan yang tidak berasas. Antara kritikan mereka termasuklah menuduh institusi Islam melakukan penyelewengan atau salah guna kuasa dan mendakwa pengurusan institusi Islam adalah paling lemah dan lembab. Strategi yang digunakan ini bertujuan untuk memberikan imej yang buruk terhadap institusi Islam di Malaysia, atau sekurang-kurangnya mereka dapat menghakis kepercayaan umat Islam terhadap kewibawaan institusi Islam. Namun jika institusi Islam masih tidak dapat dihapuskan, golongan liberal akan berusaha untuk mengubah fungsi institusi Islam menjadi sebuah 'institusi lain' tanpa menukar nama institusi Islam tersebut. Bagi melaksanakan agenda ini, mereka akan menggunakan pelbagai cara yang sebahagiannya mungkin tidak disadari oleh kebanyakan orang. Perlu dicatatkan juga, perjuangan golongan liberal ini turut disokong oleh bukan Islam, sama ada secara langsung atau tidak langsung, kerana mereka sememangnya mahukan Malaysia menjadi negara sekular. Mereka akan menggunakan orang Islam sendiri untuk memusnahkan Islam.<sup>114</sup>

---

<sup>114</sup> Strategi ini disebutkan secara jelas oleh RAND Corporation, iaitu menggunakan orang Islam sendiri dari golongan Islam Liberal untuk menghancurkan Islam. Ciri-ciri Muslim Liberal yang dikehendaki oleh Barat ialah menerima hak asasi manusia, demokrasi liberal, kesamaan gender, kebebasan beragama, menolak autoriti tradisi (*Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah*)

Sehubungan itu, bagi mendepani serangan golongan liberal tersebut, fakta penting yang mesti diperjelaskan secara terperinci adalah mengenai kedudukan agama Islam di Malaysia meliputi aspek sejarah dan Perlembagaan. Penjelasan terhadap perkara ini boleh menjawab banyak persoalan yang dibangkitkan oleh golongan liberal seperti isu punca kuasa penubuhan dan peranan JAKIM. Di peringkat negeri pula, Undang-undang Tubuh perlu dikemukakan bagi memperlihatkan kuasa Sultan atau Raja sebagai Ketua Agama Islam bagi setiap negeri. Dalam hal ini, terdapat beberapa pendapat tentang tarikh sebenar kemasukan Islam di Tanah Melayu. Walaupun para sejarawan menyatakan kemasukan Islam ke Tanah Melayu pada abad keenam Hijrah bersamaan abad ke-12 Masihi, namun pendapat yang lebih kuat adalah Islam telah masuk ke Tanah Melayu sebelum daripada waktu itu lagi. Mungkin tahun yang disebutkan oleh para sejarawan itu hanya berdasarkan catatan atau dokumen dan artifak sejarah yang sampai kepada mereka sahaja setelah para pemerintah memeluk agama Islam dan terbentuknya kesultanan Islam di tempat masing-masing.<sup>115</sup> Namun dipercayai Islam telah bertapak di Tanah Melayu lebih awal dengan penemuan batu nisan di Kedah (903 Masihi) dan Pahang (999 Masihi) serta batu bersurat di Terengganu (1303 Masihi).

Al-Attas berpendapat bahawa kemasukan Islam di Tanah Melayu adalah lebih awal lagi daripada tarikh yang tercatat di artifak yang dijumpai itu, berdasarkan laporan al-Mas'udi. Ia berpunca daripada pedagang Islam berbangsa Arab dan Parsi yang melarikan diri dari keganasan Maharaja China iaitu Hi-Tsung (878-889M) dan bermastautin di Kedah.<sup>116</sup> Walau bagaimanapun, Islam dikatakan mula mendapat tempat secara serius di Tanah Melayu ketika zaman Kesultanan Melayu Melaka setelah

---

dan menentang keganasan menurut acuan Barat. Lihat RAND Corporation. *Bulding Moderate Muslim Networks*, ed. Angel Rabasa et. al. (Santa Monica, California: RAND Corporation, 2007), 66.

<sup>115</sup> Muhammad Muhammad Zaitun, *Al-Muslimūn fī al-Sharq al-Aqṣā* (Kaherah: Dār al-Wafā', 1985), 145.

<sup>116</sup> Syed Muhammad Naquib al-Attas, *Preliminary Sratement on a General Theory of the Islamization of the Malay - Indonesian Archipelago* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1969), 11.

Parameswara memeluk agama Islam pada tahun 1414 Masihi.<sup>117</sup> Namun Islam berada di puncak kegemilangannya pada zaman pemerintahan Sultan Mansor Shah (1459-1477M), memandangkan pada masa yang sama berlaku keruntuhan kerajaan Hindu di Jawa.<sup>118</sup> Para pengkaji melihat bahawa faktor keutuhan agama yang menjadi antara penyebab utama kepada perkembangan pesat agama Islam di Tanah Melayu, dengan dibantu oleh aktiviti perdagangan di Melaka melalui usaha dakwah para pedagang Arab, selain faktor peranan ulama, penaklukan dan perkahwinan.<sup>119</sup>

Dari segi perundangan, Undang-undang Islam adalah undang-undang yang terpakai pada zaman itu.<sup>120</sup> Antara teks yang terpenting dalam sejarah pengkanunan hukum Islam ialah Hukum Kanun Melaka dan Kitab Undang-undang Sultan Melaka.<sup>121</sup> Dalam Hukum Kanun Melaka, telah wujud peruntukan dalam jenayah *hudūd*, *qiṣaṣ*, prosedur dan *adāb al-qādī*. Peruntukan dan dilaksanakan undang-undang jenayah Islam ini jelas menunjukkan bahawa Islam adalah agama negeri bagi Melaka.<sup>122</sup> Selain di Melaka, terdapat juga Undang-undang Islam lain seperti Hukum Kanun Pahang yang ditulis pada masa pemerintahan Sultan Abdul Ghafur al-Muhaiyudin Shah (1592-1614M). Ada yang mengatakan bahawa Hukum Kanun Pahang ini adalah lanjutan dari Hukum Kanun Melaka yang kandungannya adalah sama, cuma jumlah fasal adalah berbeza. Jika Hukum Kanun Melaka mengandungi 44 fasal, tetapi Hukum Kanun Pahang mengandungi 93 fasal. Di Perak pula, terdapat Undang-undang 99 yang

---

<sup>117</sup> Mahayudin Haji Yahaya, *Islam di Alam Melayu* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2001), 20-2.

<sup>118</sup> Dusuki Ahmad, *Islam di Malaysia* (Petaling Jaya: Penerbit al-Hilal, 1980), 13.

<sup>119</sup> Zawiah binti Hj. Mat, "Peranan Agama Islam dan Kesannya ke Atas Perkembangan Peradaban Umat Islam Khususnya di Alam Melayu" (Disertasi, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, 2002, 63-77.

<sup>120</sup> Wan Muhammad Ramizah, "Sejarah Pentadbiran Kehakiman Islam di Malaysia: Satu Sorotan," *Kanun: Jurnal Undang-Undang Malaysia* (Mac 2009), 2.

<sup>121</sup> Abdul Kadir Haji Muhammad, *Sejarah Penulisan Hukum Islam di Malaysia* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1996), 10.

<sup>122</sup> Mahmud Saedon Awang Othman, "Islamic Law and Its Codification, IIUM," *Law Journal* (1989), 73-75.

merupakan Undang-undang Islam juga.<sup>123</sup> Sejarah ini membuktikan bahawa Islam merupakan agama terbesar yang dianuti di negeri-negeri Tanah Melayu dan diterima sebagai cara hidup masyarakat tempatan.

Setelah Persekutuan Tanah Melayu mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos 1957, pemerintahan di Malaysia berjalan di atas Perlembagaan Persekutuan sebagai undang-undang tertinggi negara Malaysia. Melalui Perkara 3(1) dalam Perlembagaan Persekutuan, Islam telah dinyatakan sebagai agama bagi Persekutuan.<sup>124</sup> Oleh itu, agama Islam di Malaysia mempunyai kedudukan yang istimewa, di samping penganut agama lain diberikan kebebasan mengamalkan agama masing-masing. DYMM Yang di-Pertuan Agong serta Sultan atau Raja Melayu bertanggungjawab dalam segala hal berkaitan dengan agama Islam. Peruntukan Perkara 3(1) ini adalah bertepatan dengan tujuh wasiat Raja-Raja Melayu ketika menurunkan tandatangan persetujuan pembentukan Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu pada 5 Ogos 1957, salah satunya ialah mengisytiharkan bahawa Islam adalah agama bagi Persekutuan.<sup>125</sup> Malah

<sup>123</sup> J. Rigby, "The Ninety-nine Laws of Perak" Dlm. *Readings in Malay Adat Laws*, ed. M.B.Hooker, 1970), 58.

<sup>124</sup> Kerajaan Malaysia, *Perlembagaan Persekutuan*, 20.

<sup>125</sup> Perkara ini bertepatan dengan salah satu wasiat daripada tujuh wasiat Raja-Raja Melayu ketika menurunkan tandatangan persetujuan pembentukan Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu pada 5 Ogos 1957 ialah:

1. Kami namakan dan kami panggil dia, bumi yang kamu pijak dan langit yang kamu junjung Persekutuan Tanah Melayu (sekarang dikenali dengan nama Malaysia);
2. Kami isytiharkan dan kami simpan untuk kamu dan kami benarkan kamu isytihar dan simpan untuk anak cucu kamu, selain gunung-ganang, tasik dan hutan simpan, Tanah Simpanan Melayu sehingga nisbah 50 peratus, selebihnya kamu rebutlah bersama-sama kaum lain;
3. Bagi menjaga kamu dan bagi melindungi anak cucu kamu serta harta hak milik kamu, kami tubuhkan Rejimen Askar Melayu selain untuk membanteras kekacauan dalam negara dan ancaman dari luar negara;
4. Kami kekalkan dan kami jamin Kerajaan dan Kedaulatan Raja-Raja Melayu memerintah negara ini;
5. Kami isytiharkan Islam adalah Agama Persekutuan;
6. Kami tetapkan bahasa kebangsaan ialah Bahasa Melayu;
7. Kami amanahkan dan kami pertanggungjawabkan kepada Raja-Raja Melayu untuk melindungi kedudukan istimewa orang Melayu dan kepentingan sah kaum-kaum lain (kemudian ditambah kedudukan istimewa anak negeri Sabah dan Sarawak). Lihat Jabatan Penerangan

peruntukan Perkara 3(1) ini juga menunjukkan bahawa negara Malaysia mempunyai agama, iaitu Islam. Dalam kata lain, Islam adalah agama bagi negara Malaysia.<sup>126</sup> Selain itu, kedaulatan Islam juga dapat dilihat dalam perkara-perkara berikut:

1. Sumpah Yang di-Pertuan Agong di bawah Perkara 37(1) untuk memelihara agama Islam pada setiap masa.
2. Pengiktirafan Perlembagaan terhadap Majlis Raja-Raja melalui Perkara 38 sebagai bahan rujukan tertinggi dalam hal-ehwal Islam.
3. Kedudukan Sultan, Raja atau Yang di-Pertuan Agong sebagai Ketua Agama negeri-negeri.
4. Warisan kesultanan Melayu Islam termaktub dalam Perlembagaan antaranya merangkumi perundangan syariah.
5. Bidang kuasa Mahkamah Syariah di bawah Perkara 121(1A).
6. Perlindungan undang-undang terhadap kesucian agama Islam dalam Perkara 11(4).
7. Perbelanjaan dana Persekutuan dan negeri hanya untuk pembangunan agama Islam melalui Perkara 12(2).
8. Dalam Perkara 160(2), orang Melayu selaku penduduk asal Tanah Melayu ditakrifkan sebagai seseorang yang menganuti agama Islam, lazim bercakap bahasa Melayu dan menurut adat Melayu.

Berdasarkan penjelasan di atas, didapati negara Malaysia dari aspek sejarah dan Perlembagaan adalah berteraskan agama Islam.<sup>127</sup> Dalam erti kata lain, Malaysia adalah sebuah negara Islam dan bukannya negara sekular. Malah realiti yang berlaku sekarang sama ada dari aspek pendidikan, ekonomi, sosial dan lain-lain, semuanya menunjukkan bahawa Malaysia sedang bergerak ke arah sebuah negara Islam yang lebih baik. Disebabkan

---

Malaysia, *7 Wasiat Raja-Raja Melayu* (Putrajaya: Jabatan Penerangan Malaysia, 2013), 15-16.

<sup>126</sup> Mahamad Naser Disa, *Daulatkan Islam Agama Negara* (Putrajaya: Institut Kajian Strategik Islam Malaysia, 2015), 4-7; Abdul Aziz Bari, *Islam dalam Perlembagaan Malaysia* (Petaling Jaya: Intel Multimedia and Publication, 2005), 12.

<sup>127</sup> Lihat juga Ahmad Fauzi Wan Husain, Anisah Che Ngah dan Mohamed Anwar Omar Din, "Islam Agama bagi Persekutuan: Satu Kajian Sejarah Perundangan" Dlm. *Akademika: Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan Asia Tenggara* 87(3) (2017), 179-195; Wan Mohd Yusof Wan Chik, Mohamad Zaidin Mohamad, Mohd Sufian Mokhtar et al., "Kupasan Historik Status Malaysia sebagai Negara Islam" Dlm. *Islamiyyat* 40 (2018), 43-50.



itu, pada 29 September 2001, Mahathir Mohamad turut mengisytiharkan bahawa Malaysia adalah sebuah negara Islam.<sup>128</sup> Justeru, kenyataan Tunku Abdul Rahman yang sering dijadikan hujah oleh golongan liberal, ia tidak membawa sebarang implikasi dari segi Perlembagaan dan Undang-undang, bahkan tidak bertepatan dengan fakta ilmiah. Berkaitan kenyataan Mohamed Salleh Abas pula, Abdul Hamid Mohamad yang juga bekas Ketua Hakim Negara menjelaskan bahawa, penghakiman tersebut tidak menetapkan sama ada Malaysia menjadi sebuah negara Islam atau negara sekular. Beliau hanya menjelaskan bahawa tidak semua undang-undang yang bertentangan dengan syariah adalah tidak sah dalam Perlembagaan Persekutuan. Namun ramai orang menjadikan penghakiman ini sebagai hujah bahawa Malaysia adalah sebuah negara sekular. Menurut Abdul Hamid lagi, jika ditakdirkan hari ini Malaysia diisytiharkan melaksanakan Undang-undang Islam sepenuhnya, lebih daripada 90 peratus undang-undang sedia ada tidak akan berubah.<sup>129</sup>

Sehubungan itu, penubuhan JAKIM atau institusi-institusi agama Islam yang lain adalah selari dengan peruntukan dalam Perlembagaan. Maka setiap institusi tersebut mempunyai punca kuasa yang jelas dan juga berperanan dalam negara. Secara asasnya, JAKIM berperanan menjalankan tiga fungsi utamanya iaitu melaksanakan tugas-tugas penyelarasan dalam bidang undang-undang, pendidikan dan pentadbiran Islam.<sup>130</sup> JAKIM juga bertindak sebagai agensi pusat dalam perancangan pengurusan hal ehwal Islam dan pembangunan ummah dengan fungsi-fungsi seperti berikut:

1. Berperanan sebagai badan penasihat kepada pihak kerajaan dalam isu-isu agama Islam.

---

<sup>128</sup> “Malaysia negara Islam - PM - Dr. Mahathir sahut cabaran Fadzil Noor,” *Utusan Malaysia*, 30 September 2001, [http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2001&dt=0930&pub=Utusan\\_Malaysia&sec=Muka\\_Hadapan&pg=mh\\_01.htm](http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2001&dt=0930&pub=Utusan_Malaysia&sec=Muka_Hadapan&pg=mh_01.htm)

<sup>129</sup> Abdul Hamid Mohamad, “Islam dan Tafsiran Keperlembagaan oleh Mahkamah di Malaysia,” 19 Februari 2013, <https://tunabulhamid.me/2013/02/islam-dan-tafsiran-keperlembagaan-oleh-mahkamah-di-malaysia/>

<sup>130</sup> “JAKIM Relevan, Jalankan Fungsi Utama,” laman sesawang *Sinar Harian*. 10 November 2015, <http://www.sinarharian.com.my/nasional/jakim-relevan-jalankan-fungsi-utama-1.450146>

2. Berperanan sebagai penggubal Undang-Undang Syariah yang akhirnya dijadikan model di peringkat negeri dan digunakan sepenuhnya oleh negeri atau dengan pindaan.
3. Berperanan sebagai badan penyelarasan di antara agensi-agensi agama dan bertanggungjawab seperti perancang yang menentukan pembangunan dan kemajuan hal ehwal Islam di negara ini.
4. Tegas sebagai sebuah badan yang melaksanakan persijilan halal di Malaysia.
5. Bertindak sebagai pengumpul maklumat, menyampaikan maklumat dan dakwah kepada segenap masyarakat menggunakan pelbagai medium seperti teknologi maklumat, penerbitan media baru, radio dan televisyen, serta menjadi pusat rujukan maklumat mengenai hal ehwal Islam.
6. Optimis dalam melaksanakan penyelidikan dalam bentuk akidah, syariah, media baru dan mualamalat sehinggalah di bawa untuk diputuskan di peringkat Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan (MJKF).
7. Menyediakan model perjawatan organisasi bagi Jabatan Agama Islam Negeri-Negeri.
8. Menjadi sekretariat kepada Lembaga Penasihat Penyelarasan Pelajaran dan Pendidikan Agama Islam (LEPAI). Antaranya Sistem KAFA (Kelas al-Quran dan Fardhu Ain).
9. Menjadi urusetia kepada platform tertinggi dalam hal ehwal agama iaitu dalam Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia (MKI).
10. Manakala dalam urusan penguatkuasaan Undang-Undang Syariah, Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) merupakan satu daripada bahagian JAKIM yang menjalankan urusan penguatkuasaan bagi Wilayah Persekutuan.
11. Merangka dasar bagi pembangunan hal ehwal Islam di negara ini dan menjaga kesucian akidah dan ajaran Islam.
12. Melaksanakan program-program pembangunan ummah dan penghayatan Islam dalam pengurusan negara.
13. Menyelaraskan mekanisme penguatkuasaan undang-undang serta peraturan-peraturan pentadbiran hal ehwal Islam di seluruh negara.
14. Membuat penilaian program-program hal ehwal Islam yang dilaksanakan di negara ini.

15. Melaksanakan usaha-usaha pembangunan ummah melalui kerjasama di peringkat serantau dan antarabangsa.<sup>131</sup>

Selain itu, IKSIM pula mempunyai visi untuk mendaulatkan Islam sebagai agama negara. Objektif IKSIM ialah; i. Menjalankan kajian strategik dan menyebarkan hasil kajian berhubung dengan kedudukan Islam sebagai agama negara dan pengekalannya, seiring dengan kedaulatan Raja-raja Melayu, ii. Menggalakkan rangkaian kerjasama antara institusi-institusi penyelidikan bagi tujuan pengembangan kajian dan pembangunan Islam, iii. Melaksanakan pelbagai bentuk program seperti persidangan, seminar, forum dan sebagainya bagi menyebarkan maklumat tentang pemantapan kedaulatan Islam. Bagi mencapai visi dan objektif tersebut, IKSIM menjadikan agenda Transformasi Pemikiran Islam (TRAPI) sebagai strategi mereka meliputi lima tema, iaitu; i. Terapkan kesedaran bahawa Islam ialah agama negara, ii. Rasakan kecintaan mendalam terhadap *hifz al-din* sebagai kewajipan kenegaraan, iii. Awas sekularisme, liberalisme, pluralisme merupakan agenda penghakis akidah Islam bagi meruntuhkan kedaulatan negara, iv. Perpaduan ummah yang berpaksikan kecintaan terhadap agama negara merupakan teras kedaulatan negara, v. Ikatkan akidah yang mantap demi kegemilangan masa hadapan ummah.<sup>132</sup>

Di peringkat negeri pula, contohnya di Selangor, Undang-undang Tubuh Kerajaan Selangor 1959 menyatakan bahawa agama negeri adalah agama Islam dan Sultan adalah Ketua Agama Negeri. Maka Sultan boleh membuat undang-undang, mengawal selia hal ehwal berkaitan agama Islam dan juga menubuhkan Majlis Agama Islam untuk membantu baginda dalam semua perkara berhubung dengan agama negeri.<sup>133</sup> Ini bermaksud, baginda mempunyai kuasa prerogatif dan tidak bertindak atas nasihat Menteri Besar atau Majlis Mesyuarat Kerajaan yang memenangi pilihan raya. Justeru, penubuhan MAIS, begitu juga

<sup>131</sup> "Fungsi JAKIM," laman sesawang *Portal Rasmi Jabatan Kemajuan Islam Malaysia*, <http://islam.gov.my/mengenai-jakim/fungsi-jakim>

<sup>132</sup> Institut Kajian Strategik Islam Malaysia, *Profil & Agenda "Daulatkan Islam Agama Negara"* (Putrajaya: Institut Kajian Strategik Islam Malaysia (IKSIM), t.t.), 2-4.

<sup>133</sup> Pesuruhjaya Penyemak Undang-Undang Selangor, *Undang-Undang Negeri Selangor dan Undang-Undang Tubuh Kerajaan Selangor 1959* (Selangor: Pesuruhjaya Penyemak Undang-Undang Selangor, 2008), 37.

institusi lain seperti JAIS, JMNS dan Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Selangor (JKSNS), mempunyai punca kuasa yang jelas. Penubuhan setiap institusi ini juga bagi tujuan menjalankan kuasa DYMM Sultan Selangor sebagai Ketua Agama Islam negeri. Pada awal penubuhan MAIS, ia dikenali sebagai Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Selangor berdasarkan Seksyen 5, Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam 1952 (Enakmen No. 3 Tahun 1952). Kemudian ditukar kepada MAIS berdasarkan Seksyen 5(1), Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003.<sup>134</sup> Kuasa MAIS seperti berikut:

1. Majlis berkuasa menjadi pewaris, harta pusaka dan wakil amanah.
2. Majlis berkuasa menjalankan aktiviti komersial dan perindustrian.
3. Majlis berkuasa menggalakkan kegiatan komersial tersebut melalui bantuan kewangan.
4. Majlis berkuasa menjalankan kegiatan komersial secara usaha sama.
5. Majlis berkuasa membuat pelaburan.
6. Majlis berkuasa menubuhkan sekolah Islam, institut latihan dan penyelidikan Islam.
7. Majlis berkuasa menubuhkan perbadanan dan anak syarikat.
8. Majlis berkuasa membuat pinjaman.
9. Majlis berkuasa melantik jawatankuasa-jawatankuasa dan pegawai untuk membantu dalam menunaikan kewajipannya.
10. Majlis berkuasa menentukan tatacara dan amalannya sendiri.
11. Majlis berkuasa menubuhkan, mengurus dan mengawal rumah-rumah kebajikan untuk anak yatim.
12. Majlis berkuasa menubuhkan skim pinjaman pendidikan tinggi.
13. Majlis berkuasa melakukan segala perbuatan yang sesuai dan bermanfaat.<sup>135</sup>

Selain MAIS yang bertindak sebagai pihak berkuasa utama agama Islam di negeri Selangor yang bertanggungjawab menasihati DYMM Sultan Selangor dalam semua perkara

---

<sup>134</sup> "Sejarah Penubuhan MAIS," laman sesawang *Portal Rasmi Majlis Agama Islam Selangor*, <http://www.mais.gov.my/info-mais/profil-korporat/sejarah?>

<sup>135</sup> "Sejarah Penubuhan MAIS," laman sesawang *Portal Rasmi Majlis Agama Islam Selangor*, <http://www.mais.gov.my/info-mais/profil-korporat/sejarah?start=1>

berhubung hal ehwal agama Islam, penubuhan JAIS pula berfungsi sebagai agensi pelaksana segala dasar yang diputuskan oleh MAIS dan berperanan menegakkan syiar Islam serta menjaga hal ehwal umat Islam di Negeri Selangor seperti nikah cerai, dakwah, pendidikan Islam, pengurusan masjid dan sebagainya.<sup>136</sup> Objektif JAIS adalah menjaga Islam yang syumul dalam kalangan ummah melalui:

1. Menyediakan prasarana institusi Islam dan sistem penyampaian perkhidmatan yang terbaik, cekap dan berkesan.
2. Memberikan pendidikan agama yang kukuh kepada umat Islam di negeri Selangor.
3. Merancang, melaksana dan memantau program dakwah kepada semua lapisan masyarakat.
4. Merancang, melaksana dan memantau program pembangunan keluarga Islam.
5. Menguatkuasakan Undang-Undang Hal Ehwal Islam yang sedia ada dan terpakai.
6. Meneruskan keunggulan institusi masjid ke arah perpaduan dan pembangunan ummah.
7. Memperkukuhkan dan mempertahankan akidah dan syariah ummah melalui penyelidikan, pemantauan dan penguatkuasaan.
8. Merancang dan melaksanakan latihan ke arah meningkatkan kualiti pengurusan hal ehwal Islam.
9. Memastikan sistem penyampaian pengurusan hal ehwal Islam di peringkat daerah berjalan dengan cekap dan berkesan.<sup>137</sup>

Berdasarkan peruntukan Perlembagaan dan fungsi setiap institusi Islam yang dikemukakan di atas, dapat disimpulkan bahawa peranan institusi Islam di Malaysia adalah sebagai memelihara dan mempertahankan kedaulatan agama Islam sebagai agama negara dan agama negeri, menggubal dasar serta mentadbir hal ehwal agama Islam dan Undang-undang Islam, memastikan semua dasar dan hukum-hakam yang diperkenankan oleh Sultan sebagai Ketua Agama Islam dipatuhi oleh semua pihak termasuk kerajaan negeri dan kerajaan Persekutuan dan memelihara kemaslahatan umat Islam dan syiar Islam berdasarkan prinsip

---

<sup>136</sup> "Soalan Lazim," laman sesawang *Portal Rasmi Majlis Agama Islam Selangor*, <http://www.mais.gov.my/soalan-lazim>.

<sup>137</sup> "Objektif JAIS," laman sesawang *Portal Rasmi Jabatan Agama Islam Selangor*, <http://www.jais.gov.my/artikel/visi-misi>

Islam dan hukum syarak.<sup>138</sup> Justeru, dakwaan golongan liberal bahawa institusi agama Islam tidak mempunyai peranan dalam negara adalah tidak berasas sama sekali. Malah institusi-institusi Islam sepatutnya diberikan dana yang lebih banyak bagi menjalankan fungsinya secara lebih berkesan. Pada masa yang sama, perlu dijelaskan juga bahawa tindakan mereka menyerang institusi-institusi Islam ini secara tersiratnya adalah bertujuan untuk meruntuhkan institusi kesultanan di Malaysia. Ini kerana, Sultan atau Raja merupakan Ketua Agama Islam yang menaungi institusi-institusi agama Islam tersebut. Maka kewujudan Sultan atau Raja menyebabkan agenda mereka untuk menjadikan Malaysia negara sekular akan mengalami kesulitan.

Disebabkan itu, serangan terhadap institusi kesultanan turut direncanakan secara tersurat dan tersirat oleh golongan liberal seperti menghasut rakyat supaya membenci Sultan atau Raja. Lebih serius daripada itu, mereka juga telah merancang untuk menghapuskan institusi kesultanan di Malaysia pada masa hadapan. Wan Ji Wan Hussin dalam sebuah video yang tersebar di Youtube, merancang agar sistem kesultanan dihapuskan pada tahun 2030 dan Malaysia menjadi negara republik. Wan Ji menyatakan:

Kita dah buat perancangan. Sebenarnya game ana (saya) ini awal lagi, 2011 dah ada. Apa ana punya game? Game ana, tahun yang pertama, ana nak buat game orang kata sultan syaitan. Mulut orang, syaitan, syaitan, syaitan dan terbukti berjaya. Game yang kedua, 2012 dan 2013, macam mana nak letup bagi gegar sikit? Mesti ada orang kena tangkap kerana faktor sultan. Maka lahirlah orang nama (seperti) Aduka Taruna, Ahmad Abd. Jalil dan ada orang namanya, Wan Ji. Game tu dah berjaya, sekarang fikir game 2013. Apa nak buat? Itu aku tak boleh cerita. Maknanya, dia ada game step by step untuk mencapai kejayaan sultan zero. Inflasi sultan.

Wan Ji turut menyifatkan sistem kesultanan di negara ini membawa banyak kemudaratan berbanding kebaikan, malah menyifatkan Sultan sama seperti babi. Wan Ji menambah:

Sultan, monarki ini ada baik sikit tetapi mudaratnya banyak. Hukum lebih kurang macam babi juga. Habis duit rakyat, mengarahkan sesuka hati, banyak dasar yang agak terbantut

---

<sup>138</sup> Mahamad Naser Disa, *Daulatkan Islam Agama Negara*, 51-52,.

kerana faktor sultan, tak lantik Exco, menyusahkan orang, goyang kaki, pembaziran. Baik sikit je kot, nak jaga Melayu je.<sup>139</sup>

Selain itu, setiap tindakan yang dilakukan oleh institusi-institusi Islam di Malaysia didapati telah dilaporkan dalam Laporan Kebebasan Beragama Antarabangsa Malaysia dari Amerika Syarikat. Antara perkara yang dibangkitkan dalam laporan tahun 2015 adalah mengenai tangkapan pengikut Syiah oleh JAIS, tindakan JAKIM melaksanakan garis panduan ajaran sesat, kenyataan Jabatan Agama Islam Pahang (JAIP) mendakwa parti DAP sebagai anti Islam, penggunaan kalimah Allah oleh Kristian, fatwa pengharaman terhadap SIS di negeri Selangor, pengharaman beberapa buku dan sebagainya lagi.<sup>140</sup> Dalam laporan 2017 pula, antara perkara yang dibangkitkan adalah tentang Undang-undang Syariah (RUU 355) yang dibentangkan oleh PAS, penggunaan kalimah Allah oleh Kristian, penahanan Mustafa Akyol dan mengharamkan bukunya, penahanan JAWI terhadap pasangan yang berkahwin, tindakan tegas terhadap golongan ateis, pembatalan program Jerusalem's Jubilee dan sebagainya lagi.<sup>141</sup> Laporan ini membuktikan bahawa wujudnya campur tangan pihak luar terhadap urusan agama Islam di Malaysia dengan mengawasi setiap tindakan yang diambil oleh pihak kerajaan dan institusi-institusi agama Islam dalam menangani sesuatu isu.

<sup>139</sup> "Video Ust Wan Ji Hapuskan Sistem Sultan," laman sesawang *Youtube*, 27 Jun 2013, <https://www.youtube.com/watch?v=qWwVV1AuZ9c>; "Video Ustaz Wan Ji Mahu Hapus Sistem Beraja Cetus Kemarahan," laman sesawang *Utusan Malaysia*, 20 Ogos 2013, [http://ww1.utusan.com.my/utusan/Dalam\\_Negeri/20130821/dn\\_11/](http://ww1.utusan.com.my/utusan/Dalam_Negeri/20130821/dn_11/)

<sup>140</sup> "Malaysia 2015 International Religious Freedom Report," laman sesawang *United States Department of State, Bureau of Democracy*, <http://www.state.gov/documents/organization/256331.pdf>; "Laporan Kebebasan Beragama Malaysia 2015," laman sesawang *Kedutaan A.S. di Malaysia*, [https://my.usembassy.gov/ms/irf2015\\_my-bhs-081016/](https://my.usembassy.gov/ms/irf2015_my-bhs-081016/)

<sup>141</sup> "Malaysia 2017 International Religious Freedom Report," laman sesawang *United States Department of State, Bureau of Democracy*, <https://www.state.gov/documents/organization/281080.pdf>; "Laporan Kebebasan Beragama Malaysia 2015," laman sesawang *Kedutaan A.S. di Malaysia*, [https://my.usembassy.gov/ms/irf2017\\_my-053018-ms/](https://my.usembassy.gov/ms/irf2017_my-053018-ms/)

### **Fatwa Pengharaman Liberalisme di Malaysia**

Melihat kepada bahaya ancaman liberalisme terhadap agama dan negara, beberapa fatwa telah dikeluarkan oleh pihak berkuasa agama Islam di Malaysia. Dalam hal ini, Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-74 yang bersidang pada 25 -27 Julai 2006 telah membincangkan tentang Aliran Pemikiran Liberal: Hukum dan Implikasinya Kepada Islam di Malaysia. Muzakarah telah memutuskan bahawa Gerakan Pemikiran Liberal mengandungi fahaman-fahaman yang didapati menyeleweng dari aspek akidah dan syariah seperti berikut:

#### **A. Dari Aspek Akidah:**

1. Berpegang kepada konsep pluralisme: Konsep pluralisme adalah menjadi pegangan utama dalam aliran pemikiran liberal. Pluralisme agama berpendirian bahawa setiap agama mempunyai konsep, persepsi dan respon yang tersendiri terhadap Realiti Yang Agung (*ultimate reality*). Semua agama adalah sama tarafnya merujuk kepada Realiti Yang Agung.
2. Akal manusia adalah wahyu: Aliran ini membahagi wahyu kepada dua kategori iaitu wahyu yang bertulis dan wahyu yang tidak bertulis. Wahyu bertulis adalah al-Quran dan ia adalah teks semata-mata. Wahyu tidak bertulis adalah akal manusia dan akallah yang sebenarnya menghidupkan teks al-Quran berdasarkan tujuan, konteks suasana zaman.
3. Meragui ketulenan al-Quran: Aliran pemikiran ini mendakwa al-Quran diresapi dengan budaya Arab kerana orang Arab menjadi pemilik bahasa itu, tambahan pula katanya Nabi Muhammad yang menjadi pembawa risalah juga terdiri dari orang Arab. Mereka menyatakan bahawa kesahihan risalah tersebut tidak ada lagi kerana sebenarnya yang ada hanyalah *message* budaya Arab.

#### **B. Dari Aspek Syariah:**

1. Mempersoalkan metodologi pentafsiran al-Quran dan al-Hadith: Aliran pemikiran ini mempersoalkan cara atau metodologi pentafsiran al-Quran yang digunapakai kini. Dengan slogan “membuka dan membebaskan tafsiran al-Quran”, aliran pemikiran ini menggunakan pendekatan takwilan sendiri terhadap beberapa ajaran al-Quran yang jauh berbeza dengan pegangan Ahl al-Sunnah wa al-Jama’ah. Contohnya, mereka



- mendakwa syurga dan neraka tidak wujud melainkan kesan psikologi kegembiraan dan kesedihan manusia. Hari Akhirat ditafsirkan sebagai tidak wujud melainkan satu fasa untuk manusia mencapai satu tingkatan kepada tingkatan yang lebih matang dan sempurna.
2. Menggesa tafsiran baru konsep ibadat: Aliran pemikiran ini juga berpegang ‘membuka dan membebaskan’ tafsiran al-Quran, sebagai alasan untuk memajukan umat Islam dan menganjurkan agar teks-teks al-Quran menempuh proses dekonstruksi bagi membolehkan tafsiran-tafsiran baru dibuat.
  3. Mempertikaikan kriteria dan akhlak kenabian: Aliran pemikiran ini secara sinis mengkritik sifat Nubuwwah yang dimiliki oleh Rasulullah SAW dengan mengatakan ia tidak lain hanyalah sebagai kemampuan kepimpinan seorang manusia ke atas manusia lain (*leadership value*). Justeru, sesiapa pun boleh mempunyai sifat nubuwwah tersebut untuk memimpin manusia ke arah ciri-ciri yang baik. Malah mukjizat seperti peristiwa Isra’ dan Mikraj dianggap sebagai bahan cerita yang sengaja diperbesarkan (*exageration*) oleh pengikut baginda yang taksub sedangkan ia hanyalah sekadar mimpi yang tidak terjadi di alam realiti.
  4. Sikap terhadap ilmu-ilmu Islam: Ilmu-ilmu Islam seperti Usul al-Tafsir, Usul al-Fiqh, Usul al-Hadith, al-Jarah wa al-Ta’dil dan sebagainya yang telah secara ijmak diterima sebagai metode dalam disiplin ilmu, telah dikritik oleh aliran pemikiran ini sebagai buatan manusia. Penentuan hukum yang telah *qaṭ’ī* dan hukum yang tidak *qaṭ’ī* menurut mereka perlu dinilai semula dalam usaha merealisasikan konsep membuka dan membebaskan Islam melalui tafsiran semula ajaran Islam.
  5. Sikap terhadap hukum: Aliran pemikiran liberal ini mempunyai kaedah yang tersendiri apabila merujuk kepada hukum-hukum Fiqh iaitu mengambil tujuan hukum bukan bentuk hukum.
- Berdasarkan kepada ciri-ciri penyelewengan tersebut, Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia memutuskan bahawa Aliran Pemikiran Liberal adalah ajaran sesat dan menyeleweng daripada Syariat Islam.<sup>142</sup> Selain itu, Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor

---

<sup>142</sup> “Aliran Pemikiran Liberal: Hukum dan Implikasinya Kepada Islam di Malaysia,” laman sesawang *Portal Rasmi Fatwa Malaysia*, <http://www.e->

yang bersidang pada 17 Julai 2014 telah memfatwakan dan mewartakan pengharaman fahaman liberalisme dan pluralisme agama termasuklah kumpulan Sisters in Islam (SIS) seperti berikut:

1. SIS Forum (Malaysia) dan mana-mana individu, pertubuhan atau institusi yang berpegang kepada fahaman liberalisme dan pluralisme agama adalah sesat dan menyeleweng daripada ajaran Islam.
2. Mana-mana bahan terbitan yang berunsur pemikiran-pemikiran fahaman liberalisme dan pluralisme agama hendaklah diharamkan dan boleh dirampas.
3. Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) hendaklah menyekat laman-laman sosial yang bertentangan dengan ajaran Islam dan Hukum Syarak.
4. Mana-mana individu yang berpegang kepada fahaman liberalisme dan pluralisme agama hendaklah bertaubat dan kembali ke jalan Islam.<sup>143</sup>

Terkini pada tahun 2017, Muzakarah Majlis Fatwa Negeri Sabah turut memfatwakan dan mewartakan pengharaman fahaman liberalisme dan pluralisme di Negeri Sabah.<sup>144</sup> Semua fatwa yang diwartakan ini menunjukkan bahawa pihak berkuasa agama di Malaysia menyedari tentang ancaman liberalisme di Malaysia. Namun ia perlu diperluaskan lagi di setiap negeri agar tindakan menyeluruh dapat dikenakan kepada mereka yang menyebarkan fahaman liberal. Malah dicadangkan agar fatwa yang dikeluarkan nanti memasukkan sekali ciri-ciri liberalisme dalam teks fatwa bagi memudahkan orang awam membuat rujukan. Pihak berkuasa agama juga disarankan menubuhkan jawatankuasa khas yang terdiri daripada pakar-pakar liberalisme di seluruh negara. Jawatankuasa ini berperanan membantu pihak berkuasa agama

---

fatwa.gov.my/fatwa-kebangsaan/aliran-pemikiran-liberal-hukum-dan-implikasinya-kepada-islam-di-malaysia

<sup>143</sup> "Fatwa Pemikiran Liberalisme dan Pluralisme Agama," laman sesawang *Rasmi Jabatan Mufti Negeri Selangor*, <http://www.muftiselangor.gov.my/2016-06-27-08-57-00/fatwa/fatwa-terkini/362-fatwa-pemikiran-liberalisme-dan-pluralisme-agama>

<sup>144</sup> "Keputusan Majlis Fatwa Negeri Sabah Mengenai "Fahaman Liberalisme dan Pluralisme Menurut Pandangan Islam," laman sesawang *Warta Kerajaan Negeri Sabah*, 7 September 2017, 1166, <https://www.sabah.gov.my/gazette/docs/002520.pdf>

dalam mendepani isu dan cabaran liberalisme di Malaysia secara lebih berkesan dan sistematik. Perkara ini penting memandangkan umat Islam pada masa kini berhadapan dengan suatu ancaman besar yang memerlukan kerjasama strategik daripada pelbagai pihak.

### **Penutup**

Liberalisme adalah sebuah ideologi moden yang menyeleweng dari ajaran Islam. Fahaman ini juga boleh membawa kerosakan kepada sesebuah kerajaan atau negara Islam. Dalam konteks Malaysia, antara ancaman liberalisme adalah berhasrat untuk menghapuskan institusi agama Islam sama ada di peringkat Persekutuan atau negeri. Agenda golongan liberal ini didapati berpaksikan kepada ideologi sekularisme dengan konsep negara sekular perlu menjadi asas kepada negara Malaysia. Disebabkan itu, mereka sedaya-upaya menolak kenyataan yang mengiktiraf Malaysia adalah sebuah negara Islam. Mereka akan menafsirkan Perlembagaan Persekutuan sebagai undang-undang sekular yang tidak memberi sebarang peranan kepada agama Islam dalam pentadbiran kerajaan. Jika mereka berjaya menghapuskan institusi Islam, ia akan memudahkan lagi pemikiran liberal dapat disebarkan tanpa mampu disekat lagi oleh kerajaan dan pihak berkuasa agama. Dalam erti kata lain, Malaysia terpaksa mengiktiraf liberalisme. Pada yang sama, institusi kesultanan turut tergugat jika agenda ini berjaya dilaksanakan oleh golongan liberal.

Bagi menangani ancaman liberalisme ini, semua pihak mesti berganding bahu bersatu menentang usaha golongan liberal antaranya untuk menghapuskan institusi Islam di Malaysia. Pihak berkuasa agama perlu memperbanyakkan lagi program dakwah dan penerangan mengenai bahaya fahaman liberal ini kepada seluruh umat Islam. Manfaatkan media baharu semaksimum yang mungkin kerana kebanyakan masyarakat hari ini mengambil maklumat dari sumber internet. Di samping itu, tindakan tegas juga perlu dikenakan kepada penyebar dan pendukung aliran liberal agar pemikiran ini dapat ditangani dari semasa ke semasa. Pada masa yang sama, seluruh institusi Islam di Malaysia mesti memperbaiki segala kelemahan dan kekurangan yang ada supaya golongan liberal tidak mempunyai ruang untuk menyerang

institusi Islam. Institusi Islam mesti terbuka untuk menerima cadangan dan kritikan membina daripada seluruh umat Islam yang ingin melihat institusi Islam terus maju dan cemerlang.

### **Penghargaan**

Artikel ini merupakan sebahagian hasil penyelidikan yang dijalankan di bawah dana Majlis Agama Islam Selangor.

### **Rujukan**

- “Adalah Wajar Institusi yang Rosak Dimansuhkan.” Laman sesawang *The Rakyat Post*, 11 November 2105, <http://bm.the.rakyatpost.com/berita/2015/11/11/adalah-wajar-institusi-yang-rosak-dimansuhkan>.
- “Aliran Pemikiran Liberal: Hukum dan Implikasinya kepada Islam di Malaysia.” Laman sesawang *Portal Rasmi Fatwa Malaysia*, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-kebangsaan/aliran-pemikiran-liberal-hukum-dan-implikasinya-kepada-islam-di-malaysia>
- “Anak kepada Tun Dr Ismail mahu JAKIM dimansuhkan.” Laman sesawang *The Malaysian Insider*, 9 November 2015, <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/tawfik-ismail-disiasat-menghasut-kerana-gesaan-mansuh-Jakim>
- “Asri: Mana RM1 Billion Duit Zakat?.” Laman sesawang *Malaysiakini*, 25 Februari 2014, <https://www.malaysiakini.com/news/255330>
- “Badan Peguam Gesa Mansuh Hukuman Sebat.” Laman sesawang *Berita Harian*, 29 Ogos 2018, <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2018/08/467480/badan-peguam-gesa-mansuh-hukuman-sebat>
- “Badan Peguam Sifatkan Hukuman Sebat Sebagai Keras, Kejam.” Laman sesawang *The Malaysian Insight*, 29 Ogos 2018, <https://www.themalaysianinsight.com/bahasa/s/91613>
- “Bubarkan Terus Jakim, kata Tawfik Ismail.” Laman sesawang *Free Malaysia Today*, 31 Mei 2018, <http://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/2018/05/31/bubarkan-terus-jakim-kata-tawfik-ismail/>
- “Dr Asri Tidak Setuju SIS Diharamkan.” Laman sesawang *Mstar*, 10 Jun 2009, <http://www.mstar.com.my/berita/berita-semasa/2009/06/10/dr-asri-tidak-setuju-sis-diharamkan/>

- “Eric Paulsen. Bekas Setiausaha Agung PSM, Lepas Bebas Tuduhan Menghasut.” Laman sesawang *Malaysia Gazette*, 15 Ogos 2018, <http://malaysiagazette.com/blog/2018/08/15/eric-paulsen-bekas-setiausaha-agung-psm-lepas-bebas-tuduhan-menghasut/>;
- “Fatwa Pemikiran Liberalisme dan Pluralisme Agama.” Laman sesawang rasmi *Jabatan Mufti Negeri Selangor*, 2014, <http://www.muftiselangor.gov.my/2016-06-27-08-57-00/fatwa/fatwa-terkini/362-fatwa-pemikiran-liberalisme-dan-pluralisme-agama>
- “Fungsi JAKIM Disemak Semula – PM.” Laman sesawang *Astro Awani*, 30 Mei 2018, <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/fungsi-jakim-disemak-semula-pm-176886>.
- “Fungsi JAKIM.” Laman sesawang *Portal Rasmi Jabatan Kemajuan Islam Malaysia*, <http://islam.gov.my/mengenai-jakim/fungsi-jakim>
- “G25 Ingatkan Polis Jangan Kawal Moral, Perangi Jenayah.” Laman sesawang *Malaysiakini*, 2 Mei 2016, <https://www.malaysiakini.com/news/339998>
- “G25 Mahu Audit ke Mana Wang Jakim Dibelanjakan.” Laman sesawang *Malaysiakini*, 30 November 2015, <https://www.malaysiakini.com/news/321580>
- “G25 Mahu Hukuman Khalwat Dimansuh.” Laman sesawang *Utusan Malaysia*, 7 Disember 2015, <http://www.utusan.com.my/berita/nasional/g25-mahu-hukuman-khalwat-dimansuh-1.166423>
- “G25 Setuju Tindakan Kaji Semula Jakim, Mahu Iksim Dibubar.” Laman sesawang *The Malaysian Insider*, 31 Mei 2018, <https://www.themalaysianinsight.com/bahasa/s/51287>
- “Governments Have No Business Meddling in Islam, Says Scholar Kassim.” Laman sesawang *The Malaysian Insight*, 17 April 2017, <https://www.themalaysianinsight.com/s/1752>
- “Gugurkan Pendakwaan Siti Kasim, Gesa Suhakam.” Laman sesawang *Malaysiakini*, 1 Julai 2017, <https://www.malaysiakini.com/news/387107>
- “Hanya Mahkamah Syariah Boleh Dengar Semakan Kehakiman SIS.” Laman sesawang *Berita Harian*, 24 Jun 2016, <https://www.bharian.com.my/node/167888>

- “Hapus Kuasa Eksekutif Mais-Pas.” Laman sesawang *Mstar*, 17 Jun 2014, <http://www.mstar.com.my/berita/berita-semasa/2014/06/17/pas-mais/>
- “Human Rights Lawyer. PSM Leader Freed of Sedition Charges.” Laman sesawang *Free Malaysia Today*, 15 Ogos 2018. <http://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2018/08/15/human-rights-lawyer-psm-leader-freed-of-sedition-charges/>
- “Jakim - Reform or Disband.” Laman sesawang *Malaysia Today*, 12 November 2015, <http://www.malaysia-today.net/jakim-reform-or-disband/>
- “Jakim - Reform or Disband.” Laman sesawang *The Malaysian Insider*, 12 November 2015, <http://www.themalaysianinsider.com/opinion/farouk-aperu/article/jakim-reform-or-disband>.
- “JAKIM Relevan, Jalankan Fungsi Utama.” Laman sesawang *Sinar Harian*, 10 November 2015, <http://www.sinarharian.com.my/nasional/jakim-relevan-jalankan-fungsi-utama-1.450146>
- “JAKIM Tiada Peranan dalam Menentukan Moral Individu.” Laman sesawang *Astro Awani*, 15 Ogos 2015, <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/jakim-tiada-peranan-dalam-menentukan-moral-individu-noor-farida-69855>
- “Jakim Tidak Berperlembagaan, kata Ku Li.” Laman sesawang *Free Malaysia Today*, 1 Februari 2018, <http://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/2018/02/01/jakim-tidak-berperlembagaan-kata-ku-li/>
- “Jakim’s RM1 Billion ‘Sheer Waste; Says Zaid Ibrahim.” Laman sesawang *Free Malaysia Today*, 23 November 2015, <http://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2015/11/23/jakims-rm1-billion-a-sheer-waste-says-zaid-ibrahim>.
- “Jangan Terlibat Keganasan, Titah Sultan Selangor.” Laman sesawang *Sinar Harian*, 22 Jun 2016, <http://www.sinarharian.com.my/mobile/edisi/selangor-kl/jangan-terlibat-keganasan-titah-sultan-selangor-1.535265>
- “Kassim Ahmad - Hapuskan Islam Sebagai Agama Persekutuan.” Laman sesawang *Menara*, 18 April 2017, <https://www.menara.my/kassim-ahmad-hapuskan-islam-sebagai-agama-persekutuan>
- “Keputusan Majlis Fatwa Negeri Sabah Mengenai “Fahaman Liberalisme dan Pluralisme Menurut Pandangan Islam.” Laman

- sesawang *Warta Kerajaan Negeri Sabah*, 7 September 2017, 1166, <https://www.sabah.gov.my/gazette/docs/002520.pdf>
- “Kerajaan Akan Kaji Semula Peranan JAKIM.” Laman sesawang *Berita Harian*, 30 Mei 2018, <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2018/05/432010/kerajaan-akan-kaji-semula-peranan-jakim>;
- “Kerajaan Kaji Teruskan atau Bubar IKSIM.” Laman sesawang *Kosmo*, 19 Julai 2018, <http://www.kosmo.com.my/terkini/kerajaan-kaji-teruskan-atau-bubar-iksim-1.712048>
- “Kes SIS Cabar Fatwa Kembali ke Mahkamah Tinggi.” Laman sesawang *Malaysiakini*, 2 Mac 2017, <https://www.malaysiakini.com/news/374244>
- “Kritik Khutbah Jakim Bukan Kritik Islam.” Laman sesawang *Malaysiakini*, 17 Januari 2015, <https://www.malaysiakini.com/news/286628>
- “Kutipan Zakat di Negeri Selangor yang Diserahkan ke Negeri Perlis Melalui NGO yang Dilantik oleh Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (Maips).” Laman sesawang *Rasmi Jabatan Mufti Negeri Selangor*, <http://www.muftiselangor.gov.my/fatwa-personalisation/fatwa-tahunan/keputusan-fatwa-xwarta/2016/667-kutipan-zakat-di-negeri-selangor-yang-diserahkan-ke-negeri-perlis-melalui-ngo-yang-dilantik-oleh-majlis-agama-islam-dan-adat-istiadat-melayu-perlis-maips>
- “Laporan Kebebasan Beragama Malaysia 2015.” Laman sesawang *Kedutaan A.S. di Malaysia*, [https://my.usembassy.gov/ms/irf2015\\_my-bhs-081016/](https://my.usembassy.gov/ms/irf2015_my-bhs-081016/)
- “Laporan Kebebasan Beragama Malaysia 2015.” Laman sesawang *Kedutaan A.S. di Malaysia*, [https://my.usembassy.gov/ms/irf2017\\_my-053018-ms/](https://my.usembassy.gov/ms/irf2017_my-053018-ms/)
- “Lelaki Berpakaian Wanita: Mahkamah Rayuan Tolak Keputusan Mahkamah Tinggi.” Laman sesawang *Utusan Malaysia*, 8 November 2014, <http://www.utusan.com.my/berita/mahkamah/lelaki-berpakaian-wanita-mahkamah-rayuan-tolak-8232-keputusan-mahkamah-tinggi-1.22166>
- “Mahathir: Jakim Mahu Paksa Umat Islam Ikut Caranya.” Laman sesawang *Malaysiakini*, 20 November 2015, <https://www.malaysiakini.com/news/320399>

- “Mahkamah Ishtihar Lelaki Berpakaian Wanita di N. Sembilan Bukan Jenayah.” Laman sesawang *Berita Harian*, 7 November 2014, <http://www.bharian.com.my/node/16300>
- “Mahkamah Persekutuan Ketepikan Keputusan Mahkamah Rayuan.” Laman sesawang *Harian Metro*, 8 Oktober 2015, <https://www.hmetro.com.my/node/83509>
- “Mahkamah Tinggi Tolak Permohonan SIS Cabar Fatwa Isytiharnya Menyeleweng.” Laman sesawang *Malaysiakini*, 24 Jun 2016, <https://www.malaysiakini.com/news/346545>
- “Malaysia 2015 International Religious Freedom Report.” Laman sesawang *United States Department of State, Bureau of Democracy*, <http://www.state.gov/documents/organization/256331.pdf>;
- “Malaysia 2017 International Religious Freedom Report.” Laman sesawang *United States Department of State, Bureau of Democracy*, <https://www.state.gov/documents/organization/281080.pdf.pdf>;
- “Malaysia negara Islam - PM - Dr. Mahathir sahut cabaran Fadzil Noor.” Laman sesawang *Utusan Malaysia*, 30 September 2001, [http://www1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2001&dt=0930&pub=Utusan\\_Malaysia&sec=Muka\\_Hadapan&pg=mh\\_01.htm](http://www1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2001&dt=0930&pub=Utusan_Malaysia&sec=Muka_Hadapan&pg=mh_01.htm)
- “Menyerbu Premis Persatuan Bible Selangor dan Merampas Injil.” Laman sesawang *Fikrah*, 3 Januari 2014, <http://al-fikrah.net/artikelview/40-semasa/308-menyserbu-premis-persatuan-bible-selangor-dan-merampas-injil.html/>;
- “Mufti: Alasan KDN Haramkan Buku ‘Primitif.’” Laman sesawang *Malaysiakini*, <https://www.malaysiakini.com/news/91015>
- “Mujahid Persoal Pembentangan Iksim Label Golongan Liberal Berbahaya.” Laman sesawang *Free Malaysia Today*, 28 November 2017, <http://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/2017/11/28/mujahid-persoal-pembentangan-iksim-label-golongan-liberal-berbahaya/>
- “Muslim Thinker Kassim Ahmad Dies; Family to Seek Compensation From Jawi.” Laman sesawang *Malay Mail Online*, 10 Oktober 2017, <https://www.malaymail.com/s/1483853/muslim-thinker-kassim-ahmad-dies-family-to-seek-compensation-from-jawi>
- “Objektif JAIS.” Laman sesawang *Portal Rasmi Jabatan Agama Islam Selangor*, <http://www.jais.gov.my/artikel/visi-misi>



- “Pakar Perlembagaan: Jangan Tafsir Kritik Jais Persoal Institusi Raja.” Laman sesawang *Detikdaily*, 18 Ogos 2014, <http://www.detikdaily.net/v6/modules.php?name=News&file=article&sid=15801>
- “Pandangan Dr Mohd Asri tentang Pengharaman Buku-buku Ilmiah.” Laman sesawang *Malaysiakini*, 10 Oktober 2008, <http://drmaza.com/home/?p=452>; 10 Oktober 2008.
- “Pas Mahu S’gor Hapus Kuasa Eksekutif MAIS.” Laman sesawang *Malaysiakini*, 17 Jun 2014, <https://www.malaysiakini.com/news/265931>
- “Pasangan Lesbian Didenda, Disebat.” Laman sesawang *Sinar Harian*, 12 Ogos 2018, <http://www.sinarharian.com.my/edisi/terengganu/pasangan-lesbian-didenda-disebat-1.867672>
- “Pendakwah Bebas Dakwa Wujud ‘Berhala Berserban’ dalam Masyarakat.” Laman sesawang *Astro Awani*, 17 Mei 2015, <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/pendakwah-bebas-dakwa-wujud-berhala-berserban-dalam-masyarakat-60136>
- “PR: Rampasan Bible Tambah Ketegangan Penganut Islam, Kristian.” Laman sesawang *Astro Awani*, 3 Januari 2014, <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/pr-rampasan-bible-tambah-ketegangan-penganut-islam-kristian-27777>
- “Religion and Liberal Democracy.” *The University of Chicago Law Review* 59 (1992), 208-209.
- “S’gor Serah Kembali Bible yang Dirampas.” Laman sesawang *Malaysiakini*, 14 November 2014, <https://www.malaysiakini.com/news/280480>
- “Sebat, Denda Kerana Cubaan Aksi ‘Lesbian’: Suhakam Kecam Keputusan Mahkamah Terengganu.” Laman sesawang *Astro Awani*, 15 Ogos 2018, <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/sebat-denda-kerana-cubaan-aksi-lesbian-suhakam-kecam-keputusan-mahkamah-terengganu-183097>
- “Sejarah Penubuhan MAIS.” Laman sesawang *Portal Rasmi Majlis Agama Islam Selangor*, <http://www.mais.gov.my/info-mais/profil-korporat/sejarah?>
- “Serbu Majlis Mak Nyah, Peguam Pertimbang Saman JAWI.” Laman sesawang *Mstar*, 5 April 2016, <http://www.mstar.com.my/berita/berita-semasa/2016/04/05/pertimbang-saman-jawi/>

- “SIS Mencabar Fatwa Liberalisme dan Pluralisme.” Laman sesawang *Sisters in Islam*, 31 Oktober 2014, <http://www.sistersinislam.org.my/comment.php?comment.news.1304>
- “Soalan Lazim.” Laman sesawang *Portal Rasmi Majlis Agama Islam Selangor*, <http://www.mais.gov.my/soalan-lazim>.
- “Speaker: Hati-hati Tangani Isu Kalimah ALLAH.” Laman sesawang *Sinar Harian*, 5 Januari 2014, <http://www.sinarharian.com.my/semasa/speaker-hati-hati-tangani-isu-kalimah-allah-1.237398>
- “State Religion Status Leaves Many ‘Outside The Box.’” Laman sesawang *Free Malaysia Today*, 29 Disember 2017, <http://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2017/12/29/state-religion-status-leaves-many-outside-the-box/>
- “Status Islam Sebagai Agama Negara Menyukarkan - Marina Mahathir.” Laman sesawang *Menara*, 29 Disember 2017, <https://www.menara.my/status-islam-sebagai-agama-negara-menyukarkan-marina-mahathir/>
- “Sultan Selangor Dukacita Fahaman Liberal Berleluasa.” Laman sesawang *Harian Metro*, 13 November 2018, <https://www.hmetro.com.my/utama/2018/11/394813/sultan-selangor-duka-cita-fahaman-liberal-berleluasa>
- “Syarat Halal Jakim, Tiada lagi ‘Coney Dog’ dan ‘Root Beer’ di Malaysia.” Laman sesawang *Free Malaysia Today*, 18 Oktober 2016, <http://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/2016/10/18/syarat-halal-jakim-tiada-lagi-coney-dog-dan-root-beer-di-malaysia/>
- “Terima Kasih KDN kerana Haramkan Buku Saya.” Laman sesawang *Malaysiakini*, 5 Mei 2015, <https://www.malaysiakini.com/news/286628>.
- “Tiga Pihak Dibenar Merayu.” Laman sesawang *Utusan Malaysia*, 11 Julai 2017, <http://www.utusan.com.my/berita/mahkamah/tiga-pihak-dibenar-merayu-1.501552>
- “Video Ust Wan Ji Hapuskan Sistem Sultan.” Laman sesawang *Youtube*, 27 Jun 2013, <https://www.youtube.com/watch?v=qWwVVIuZ9c;>
- “Video Ustaz Wan Ji Mahu Hapus Sisitem Beraja Cetus Kemarahan.” Laman sesawang *Utusan Malaysia*, 20 Ogos 2013, [http://ww1.utusan.com.my/utusan/Dalam\\_Negeri/20130821/dn\\_11/](http://ww1.utusan.com.my/utusan/Dalam_Negeri/20130821/dn_11/)

- “Viral Negatif Zakat.” Laman sesawang *Utusan Malaysia*, 3 Ogos 2016, <http://www.utusan.com.my/rencana/agama/viral-negatif-zakat-1.365687>
- “Zaid Terus Terang KITA Sekular.” Laman sesawang *Malaysiakini*, 19 Januari 2011, <https://www.malaysiakini.com/news/153837>
- Abdul Aziz Bari. *Islam dalam Perlembagaan Malaysia*. Petaling Jaya: Intel Multimedia and Publication, 2005.
- Abdul Hamid Mohamad. “Islam dan Tafsiran Keperlembagaan oleh Mahkamah di Malaysia.” Laman sesawang *Tun Abdul Hamid Mohamad*, 19 Februari 2013, <https://tunabdulhamid.me/2013/02/islam-dan-tafsiran-keperlembagaan-oleh-mahkamah-di-malaysia/>
- Abdul Kadir Haji Muhammad. *Sejarah Penulisan Hukum Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1996.
- Ahmad Fauzi Wan Husain, Anisah Che Ngah dan Mohamed Anwar Omar Din. “Islam Agama bagi Persekutuan: Satu Kajian Sejarah Perundangan” Dlm. *Akademika: Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan Asia Tenggara* 87, 3 (2017), 179-195
- Ahmad Redzuan Mohamad et. al. “Interfaith Commission Malaysia: Analisis ke atas Penubuhannya dalam Merealisasikan Keharmonian Agama di Malaysia” *Al-‘Abqari: Journal of Islamic Social Sciences and Humanities* (2007), 77-93.
- Amir Hamzah Akal Ali @ Benz Ali. *Antithesis*. Kuala Lumpur: Dubook Press. 2014.
- Asmah Omar et al. ed. *Oxford Fajar Advanced Learner’s English-Malay Dictionary*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti, 2001.
- Benz Ali. “Soalan: Kenapa Tak Boleh Kerja JAKIM.” Laman sesawang *Facebook*, 24 Mei 2015, <https://www.facebook.com/ilazneb/posts/1117546408261764>
- Benz Ali. 11 November 2015, <https://www.facebook.com/ilazneb/posts/1224455637570840> not found
- Benz Ali. 24 Jun 2016. <https://www.facebook.com/ilazneb/posts/1381233671893035>
- Binder, Leonard. *Islamic Liberalism: A Critique of Development Ideologies*. Chicago: University of Chicago Press, 1988.
- COMANGO. 24 Ogos 2018, <https://www.facebook.com/COMANGO/posts/2021030331282181>

- Cox, Harvey. *The Secular City: Secularization and Urbanization in Theological Perspective*. New York: MacMillan, 1966.
- Deagon, Alex. "Secularism as a Religion: Questioning the Future of the 'Secular' State," *The Western Australian Jurist* 8 (2017), 48-49; Kathleen M. Sullivan,
- Dusuki Ahmad. *Islam di Malaysia*. Petaling Jaya: Penerbit al-Hilal, 1980.
- Encyclopaedia Britannica, Inc. *The New Encyclopaedia Britannica*. USA: Chicago, 1994.
- H. M. Rasjidi. *Koreksi Terhadap Drs. Nurcholis Madjid tentang Sekularisasi*. Jakarta: Penerbit Bulan Bintang.
- Hannah Yeoh. 2 Januari 2014, <https://twitter.com/hannahyeoh/status/418717303375536128>
- Institut Kajian Strategik Islam Malaysia. Profil & Agenda "Daulatkan Islam Agama Negara". Putrajaya: Institut Kajian Strategik Islam Malaysia (IKSIM), t.t.
- Joppke, Christian. *The Secular State Under Siege: Religion and Politics in Europe and America*. United Kingdom: Polity Press., 2015), 1;
- Kerajaan Malaysia. *Perlembagaan Persekutuan*. Putrajaya: Pesuruhjaya Penyemak Undang-Undang Malaysia, 2010.
- Konrad Adenauer Foundation. *The Initiative for the Formation of a Malaysian Interfaith Commission: A Documentation*, ed. S. Hadi Abdullah & K.S. Sieh. Kuala Lumpur: Konrad Adenauer Foundation, t.t.
- Kuzman, Charles. e.d. *Liberal Islam: A Source Book*. New York: Oxford University Press, 1998.
- Kuzman, Charles. Ed. *Modernist Islam*. London: Oxford University Press, 2002.
- Laski, Harold J. *The Rise of European Liberalism*. London: George Allen & Unwin Ltd. 1947.
- Macmillian Publishing Company. *The Encyclopedia of Religion*, ed. Mircea Eliade. New York: Macmillian Publishing Company, 1987..
- Macpherson, C. B. *The Real World of Democracy*. Oxford: Clarendon Press. 1971), 4-6..
- Mahamad Naser Disa. *Daulatkan Islam Agama Negara*. Putrajaya: Institut Kajian Strategik Islam Malaysia, 2015.;

- Mahayudin Haji Yahaya. *Islam di Alam Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2001.
- Mahmud Saedon Awang Othman. "Islamic Law and Its Codification, IIUM," *Law Journal* (1989), 73-75.
- Malayan Law Journal (MLJ). *The Malayan Law Journal*. Singapore: Malayan Law Journal. 1998.
- Martin, David. *The Religious and The Secular*. London: Routledge and Kagen Paul, 1969.
- McGraw, Bryan T. *Faith in Politics: Religion and Liberal Democracy*. Cambridge, UK: Cambridge University Press, 2010.
- Mohd Sheriff bin Mohd Kassim. "The Federal Constitution and Malaysia's Development" Dlm. *Breaking The Silence: Voices Of Moderation*. Kuala Lumpur: Marshall Cavendish Malaysia Sdn Bhd., 2016.
- Muhammad Rashidi Wahab dan Siti Nur Hidayah Kusnin. "Laporan Awal: Sorotan Fenomena Buku Indie di Malaysia," [http://www.jais.gov.my/sites/default/files/Laporan%20awal\\_Fenomena%20Buku%20Indie.pdf](http://www.jais.gov.my/sites/default/files/Laporan%20awal_Fenomena%20Buku%20Indie.pdf) link not found
- Muhammad Rashidi Wahab. "Ancaman Liberalisme di Malaysia," *Jurnal Penyelidikan Islam*, (2017), 17-40.
- Nietzsche, Friedrich. *The Gay Science*. Leipzig: E. W. Fritsch., 1887.
- Nurcholis Madjid. *Islam, Kemodernan dan Keindonesiaan*. Bandung: Penerbit Mizan. 2008.
- Pesuruhjaya Penyemak Undang-Undang Selangor. *Undang-Undang Negeri Selangor dan Undang-Undang Tubuh Kerajaan Selangor 1959*. Selangor: Pesuruhjaya Penyemak Undang-Undang Selangor, 2008..
- RAND Corporation. *Bulding Moderate Muslim Networks*, ed. Angel Rabasa et. al. Santa Monica, California: RAND Corporation, 2007.
- Rashidi Wahab dan Siti Nur Hidayah Kusnin. "Laporan Awal: Sorotan Fenomena Buku Indie di Malaysia." Shah Alam: Jabatan Agama Islam Selangor, [http://www.jais.gov.my/sites/default/files/Laporan%20awal\\_Fenomena%20Buku%20Indie.pdf](http://www.jais.gov.my/sites/default/files/Laporan%20awal_Fenomena%20Buku%20Indie.pdf)
- Rigby, J. "The Ninety-nine Laws of Perak" Dlm. *Readings in Malay Adat Laws*, ed. M.B. Hooker, 1970), 58.

- Schwarzmantel, John. *The Age of Ideology: Political Ideologies from the American Revolution to Postmodern Times*. London: Macmillan Press. 1998.
- Sisters In Islam. 24 Ogos 2018, <https://www.facebook.com/officialSIS/posts/10156460640669519>
- Siti Kasim. 2 Februari 2018, <https://www.facebook.com/sitikasim/posts/10215551956494824>
- Stepan, Alfred. *Arguing Comparative Politics*. New York: Oxford University Press, 2001.
- Syed Farid al-Attas. "Muslim Sectarianism and the Amman Message." Dlm. *Breaking The Silence: Voices of Moderation*, 166.
- Syed Farid al-Attas. "Muslim Sectarianism and the Amman Message" Dlm. *Breaking The Silence: Voices of Moderation*. Kuala Lumpur: Marshall Cavendish Malaysia Sdn Bhd, 2016.
- Syed Muhammad Naquib al-Attas. *Islam and Secularism*. Kuala Lumpur: IBFIM, 2014.
- Syed Muhammad Naquib al-Attas. *Preliminary Statement on a General Theory of the Islamization of the Malay - Indonesian Archipelago*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1969.
- T. Benson, Iain. *Notes Towards a (Re)Definition of the "Secular, University of British Columbia Law Review 33(3)*. Kanada: University of British Columbia Press, 2000.
- The Star. 9 Februari 1983, t.h. Arkib Negara Malaysia.
- Wan Adli Wan Ramli. "Menangani Cabaran Liberalisme dalam Kalangan Muslim Berdasarkan Konsep Ijmak," *Jurnal Usuluddin* 40 (2014), 27-49.
- Wan Ji Wan Hussin. *Ulama yang Bukan Pewaris Nabi*. Kuala Lumpur: Vinlin Press Sdn. Bhd, 2015.
- Wan Mohd Nor Wan Daud. "Kontroversi Negara Sekular dan Negara Islam: Satu Penyelesaian," Dlm. *Majalah al-Hikmah* 20 (3) (2001), 6-18.
- Wan Mohd Yusof Wan Chik, Mohamad Zaidin Mohamad, Mohd Sufian Mokhtar et al. "Kupasan Historik Status Malaysia sebagai Negara Islam" Dlm. *Islamiyyat* 40,1 (2018), 43-50.
- Wan Muhammad Ramizah. "Sejarah Pentadbiran Kehakiman Islam di Malaysia: Satu Sorotan," *Kanun: Jurnal Undang-Undang Malaysia* (Mac 2009), 2.

- Wanji Wanhussin Wanji. 18 Oktober 2016, <https://www.facebook.com/wanji.attaaduddi/posts/1601361099890061>
- Zaid. "Bidas Jakim, Pertahan Buku Irshad Manji." Laman sesawang *Mstar*, 24 Mei 2012, <http://www.mstar.com.my/berita/berita-semasa/2012/05/24/zaid-bidas-jakim-pertahan-buku-irshad-manji>.
- Zairil Khir Johari. "Aplikasi Pintar 'Amar' JAIS - Mengapa Mengalakkan Tajassus?." Laman sesawang *Zairil Khir Johari*, 10 Oktober 2016, <http://www.zairil.com/aplikasi-pintar-amar-jais-mengapa-menggalakkan-tajassus/>
- Zaitun, Muhammad Muhammad. *Al-Muslimūn fī al-Sharq al-Aqṣā*. Kaherah: Dār al-Wafā', 1985.
- Zawiah binti Hj. Mat. "Peranan Agama Islam dan Kesannya ke Atas Perkembangan Peradaban Umat Islam Khususnya di Alam Melayu." Disertasi, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, 2002.

